

MEDIA WARGA KOTA WILAYAHKU

Foto: SYUQQREEDAIN/WK

**6 dekad Muzium Negara:
Satu retrospektif**
➤➤ 9 - 11

**Jinakkan buaya di
halaman rumah**
➤➤ 12 - 13

**Rasai pengalaman
makan dalam sungai**
➤➤ 16



Sudah tiba masa naik gaji minimum?

Kerajaan teruskan inisiatif Payung Rahmah, tangani kos sara hidup

AZLAN ZAMBRU

KERAJAAN Perpaduan kekal meneruskan program-program intervensi melalui inisiatif Payung Rahmah dan Jualan Agro Madani.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata inisiatif ini diteruskan dengan kerjasama Kerajaan Negeri yang akan memanfaatkan rakyat dalam usaha berterusan untuk menangani isu kos sara hidup.

"Agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga telah diarahkan untuk lebih proaktif bertindak sebagai agensi pengedar Beras Putih Tempatan (BPT) terutama bagi kawasan-kawasan pedalaman sebagai usaha mengurungi kesulitan kepada rakyat dalam mendapatkan bekalan beras susulan langkah intervensi yang telah diumumkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan semalam (Isnin)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup



ANWAR (tengah) ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Kebangsaan mengenai Kos Sara Hidup (NACCOL) di Putrajaya pada Selasa.

(NACCOL) di Putrajaya pada Selasa.

Hadir sama kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi** dan **Datuk Seri Fadillah Yusof** serta Ketua Setiausaha Negara (KSN), **Tan Sri Mohd Zuki Ali**, menteri berkaitan dan pemain industri, wakil badan bukan kerajaan (NGO), wakil

pertubuhan serta ahli akademik yang merupakan ahli-ahli Majlis NACCOL.

Ujarnya, mesyuarat tersebut berbincang berkenaan kawalan harga bagi ayam bulat standard dan telur ayam yang telah dilaksanakan sejak Februari 2022.

Ia supaya hala tuju kawalan harga ayam dan telur dapat

dimuktamadkan bagi memastikan kelangsungan rantai bekalan.

Menurut **Anwar**, pihaknya prihatin terhadap kepentingan rakyat ke atas akses bekalan ubat yang lebih kompetitif harganya supaya rakyat mengetahui harga yang perlu dibayar dan mampu untuk membuat pilihan.

"Ia turut menjadi keutamaan kerajaan untuk memastikan mekanisme penjualan ubat adalah lebih telus untuk manfaat rakyat melalui mekanisme paparan harga," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga peka terhadap kemungkinan gangguan bekalan gula sekiranya tiada tindakan segera dilaksanakan bagi menangani isu berkaitan peningkatan harga gula mentah dunia.

"Sehubungan itu, kesemua perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh masa terdekat bagi mendapatkan hala tuju serta dimuktamadkan.

"Mesyuarat turut mengambil maklum perancangan serta pelaksanaan Pangkalan Data Utama Kerajaan (PADU) oleh Kementerian Ekonomi," katanya.

Menurut Perdana Menteri,

mesyuarat tersebut telah mendapatkan penjelasan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa bank utama dan penyedia perkhidmatan e-dompet yang menerima pembayaran melalui **DuitNow QR** mengumumkan bahawa mereka akan terus mengecualikan fi transaksi ke atas perniagaan mikro dan kecil.

"Payments Network Malaysia Sdn Bhd (**PayNet**) juga akan memperuntukkan sumber bagi membantu membiayai kos yang ditanggung oleh penyedia perkhidmatan pembayaran terutamanya penyedia bukan bank yang terus menawarkan pengecualian penuh kepada perniagaan mikro dan kecil," katanya.

Tegasnya lagi, penekanan agenda utama kerajaan dalam meringankan beban kos sara hidup rakyat diberikan perhatian yang serius agar rakyat menerima manfaat secara terus bagi setiap inisiatif dan strategi yang dilaksanakan.

Dalam pada itu, mesyuarat berkenaan turut meluluskan tiga Kertas Pertimbangan dan dua Kertas Makluman yang menjurus isu berkaitan kos sara hidup telah dibentangkan semasa mesyuarat tersebut. **WK**

Laksana PdPR, sekolah tutup serta-merta jika IPU lebih 200 - KPM

HAZIRAH HALIM

KEMENTERIAN Pendidikan Malaysia (KPM) mengarahkan semua sekolah yang berada dalam kawasan atau daerah yang merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 200 ditutup serta-merta.

Menurut KPM, sekiranya bacaan IPU melebihi 100, pihak sekolah dikehendaki menghentikan segala aktiviti di luar bilik darjah yang membabitkan semua murid termasuk aktiviti keramaian atau sukan luar bangunan juga disaran supaya ditangguhkan.

"Pembukaan semula sekolah adalah bergantung pada bacaan IPU bawah daripada 200. Jika trend bacaan menunjukkan pengurangan bawah daripada 200 tindakan boleh diambil sebagai persediaan pembukaan semula sekolah.

"Pengetua atau Guru Besar perlu memastikan setiap guru membuat tugas sewajarnya di sekolah semasa ia ditutup jika guru berkenaan tidak diberi cuti selaras dengan peruntukan dalam Surat Siaran Bil 8/2016: Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana bertarikh 21 Julai 2016," jelas

KPM dalam satu hantaran di **Facebook** baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, KPM berkata guru dan kakitangan tidak perlu hadir ke sekolah jika bacaan IPU melebihi 500.

Dalam pada itu, KPM turut menasihatkan murid-murid untuk memakai pelitup muka serta kerap minum air dan pihak sekolah hendaklah merujuk mereka yang didapati tidak sihat kepada ibu, bapa atau penjaga dengan segera.

"Ibu bapa dibenarkan untuk tidak menghantar anak mereka ke sekolah jika bimbang mengenai tahap kesihatan namun tindakan itu perlu di maklumkan kepada pihak sekolah.

"Pihak sekolah juga perlu sentiasa mengikut perkembangan semasa mengenai fenomena jerebu di kawasan atau daerah masing-masing bagi memudahkan urusan tindakan susulan.

"Bacaan IPU dan keadaan terkini status udara boleh dilihat menerusi laman portal Jabatan Alam Sekitar (JAS) iaitu <https://apims.doe.gov.my/home.html>," jelasnya.

Tambahnya, semua jenis peperiksaan termasuk peperiksaan awam perlu diteruskan.

Terdahulu, sebelum ini, Menteri Pendidikan, **Fadhilina Sidek** menjelaskan Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) hanya akan dilaksanakan apabila sekolah ditutup dan bacaan IPU melebihi 200. **WK**



FADHLINA (kanan) beramah mesra bersama pelajar SK Sungai Dua, Pahang sempena lawatan turun padang.

MITI cadang insentif beli motosikal EV bagi kumpulan B40

KEMENTERIAN Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah mengemukakan cadangan pemberian insentif pembelian kenderaan elektrik (EV) khususnya motosikal dalam Belanjawan 2024 bagi menggalakkan perkembangan industri itu di Malaysia.

Timbalan Ketua Setiausaha (Industri) MITI, **Datuk Hanafi Sakri** berkata cadangan tersebut sudah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MoF), ia akan tertumpu kepada pemilik kenderaan daripada kumpulan B40.

"Kita mengharapkan keputusan yang positif. MITI berharap MoF dapat memberi sokongan kepada pembangunan industri EV negara, (dan) di dalam konteks ini untuk motosikal," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di **International Electric Mobility Showcase (IEMS 2023)**.

Mengenai pembangunan industri EV secara keseluruhan,

Hanafi berkata kerajaan telah menyediakan banyak insentif pada tahun 2022 dan 2023 untuk pembangunan industri tersebut sama ada daripada segi permintaan dan juga penawaran perkhidmatan berkenaan.

Beliau berkata pasaran EV beroda dua di Malaysia masih berada di tahap rendah, iaitu kurang daripada satu peratus. **S e h u b u n g a n** itu, MITI berharap inisiatif yang dilakukan termasuk cadangan yang dikemukakan bagi Belanjawan 2024, ia akan mempercepatkan penggunaan EV di Malaysia.

"Fokus kita sekarang lebih tertumpu kepada kenderaan empat roda atau kereta. Justeru, MITI mengembangkannya kepada motosikal dan kenderaan perdagangan," kata **Hanafi**.

Malaysia menyasarkan kira-kira 10,000 stesen pengecas menjelang 2025, terdiri daripada 1,000 unit jenis arus terus dan 9,000 unit jenis arus ulang-alik atau pengecasan perlahan. - **BERNAMA**



HANAFI

Kenaikan gaji bantu kelangsungan hidup

SYED HAZIQUE

ISU peningkatan kos sara hidup dilihat seperti tiada penghujungnya, rakyat kini dilihat tertekan dengan peningkatan barangan keperluan asas yang terpaksa ditanggung.

Pelbagai langkah atau mekanisme telah dilaksanakan kerajaan bagi membantu golongan kurang berkemampuan meneruskan kelangsungan hidup.

Walau bagaimanapun, antara isu yang dilihat wajar diketengahkan bagi mengatasi masalah isu kos sara hidup ialah dengan kenaikan kadar gaji minimum.

Terdahulu, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) telah mengemukakan cadangan mengenai gaji minimum penjawat awam bagi lantikan baharu ditetapkan pada RM1,800 sebulan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sementara itu, baru-baru ini, media melaporkan, Anwar berkata kerajaan berusaha untuk menaikkan sedikit gaji penjawat awam menerusi Belanjawan Madani kedua yang akan dibentangkan di Parlimen Oktober ini.

Beliau berkata ia sebagai langkah sementara, sehingga kajian menyeluruh berhubung skim gaji dan persaraan penjawat awam selesai dilakukan, yang dijangka pada tahun depan.

"Jadi sementara waktu saya dah bincang dengan Kementerian Kewangan, Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).

"Saya kata kalau begitu, sementara kajian ditingkatkan saya cuba dalam Belanjawan Madani bulan Oktober ini, kita cuba



PIHAK majikan boleh mencadangkan beberapa langkah yang mampu untuk membantu pekerja. -Gambar hiasan

naikkan dulu sedikit gaji (penjawat awam), sementara kita buat kajian menyeluruh yang boleh siap tahun depan," katanya.

Jelas beliau, adalah menjadi dasar kerajaan sekiranya ada kemampuan untuk membuat pelarasan semula gaji penjawat awam setiap 10 tahun dan ia sepatutnya telah dilakukan dua tahun lalu.

Dalam pada itu, pakar kewangan, **Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri** berkata kadar gaji minimum yang sedia ada

kini dilihat rendah tambahan lagi dengan kos sara hidup yang tinggi.

Menurutnya, anggaran gaji yang dilihat munasabah adalah dari RM1,800 hingga RM2,200 bagi penyelesaian semua pihak.

"Peningkatan kos sara hidup berlaku di seluruh dunia ketika ini, perbelanjaan setiap isi rumah berbeza-beza.

"Namun, jika kerajaan mampu menyemak semula kadar gaji minimum ia boleh menolong banyak pihak dalam menangani kos sara hidup," katanya kepada *Wilayahku*, baru-baru ini.

Tambahnya, jika majikan hadapi masalah bagi menemui kata

sepakat, mungkin pihak majikan boleh mencadangkan beberapa langkah yang mampu membantu pekerja.

"Mungkin di pihak majikan, boleh membantu daripada segi memberi barangan keperluan asas sebulan sekali, baucar minyak dan sebagainya.

"Semua perkara ini juga bergantung kepada kedudukan kewangan sesebuah syarikat itu juga," ujarinya.

Walau bagaimanapun jelas beliau, kajian menyeluruh harus dilakukan sebelum sesuatu perkara

Media melaporkan, Anwar berkata kerajaan berusaha untuk menaikkan sedikit gaji penjawat awam menerusi Belanjawan Madani kedua yang akan dibentangkan di Parlimen Oktober ini.

dimuktamadkan.

Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata sistem gaji progresif, yang dilihat paling relevan untuk diamalkan di Malaysia.

Menurutnya, ia dilihat antara langkah terbaik di dalam usaha menangani masalah kos sara hidup masa kini.

"Sistem gaji progresif merupakan peralihan daripada model pemberian upah minimum kepada kenaikan gaji secara berperingkat dan berfasa supaya ia setanding dengan pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Tambahnya, kenaikan gaji yang lebih cepat dan bersistem bukan sahaja memberi kebaikan kepada pekerja malah menguntungkan syarikat juga.

"Bila ada kenaikan gaji, pekerja akan bekerja dengan lebih semangat dan rajin, produktiviti juga turut meningkat.

"Justeru itu, ia mendatangkan keuntungan kepada pihak majikan juga secara tidak langsung kepada pekerja itu sendiri," katanya. **WK**



MOHAMAD FAZLI



AHMED RAZMAN

Pengguna sokong hasrat kerajaan dalam pelaksanaan gaji progresif

KOS sara hidup yang semakin tinggi di negara khususnya buat warga kota dilihat semakin merunsingkan.

Baik daripada segi memenuhi keperluan asas, kadar sewa dan banyak lagi, kesemuanya berlaku peningkatan memberi kesan bagi menampung perbelanjaan.

Rata-rata, rakyat Malaysia khususnya warga kota kini mengharapkan sedikit sinar mahupun pembaharuan yang mampu membantu kewangan mereka di kala saat-saat ekonomi yang mencabar.

Pekerja swasta, **Muhammad Ijlal Abu Bakar** berkata kebanyakan barangan keperluan asas meningkat menyebabkan perbelanjaan juga lebih banyak.

Menurutnya, selain menyokong



PENGUNA perlu berjimat- cermat ketika berbelanja. - Gambar hiasan

penyokong kerajaan dalam pelaksanaan gaji progresif, dia juga berpendapat kadar gaji minimum juga perlu diteliti untuk dinaikkan.

"Harga barang-barang

keperluan asas banyak yang meningkat, namun, pendapatan masih kekal sama, ini sesuatu yang membebankan semua pengguna.

"Dasar gaji progresif satu

langkah yang bagus untuk dilaksanakan namun, jika dilihat, kadar gaji minimum juga perlu ditingkatkan supaya relevan dengan kos sara hidup masa kini.

"Ia sekali gus dapat membantu kelangsungan hidup menjadi lebih baik dengan keadaan ekonomi sekarang," katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, pekerja swasta, **Didi Ery Syaril** memberitahu, kenaikan kadar gaji minima ibarat 'nafas baharu' yang membantu seiring dengan kenaikan kos sara hidup masa kini.

"Jika kita dapat lihat, banyak yang tertekan dengan kos sara hidup yang meningkat, ramai yang terpaksa berjimat-cermat di

dalam perbelanjaan.

Antara jalan terbaik pada saya, menaikkan kadar gaji minimum, supaya dapat membantu dan boleh hidup dengan lebih selesa," jelasnya.

Sementara itu, pekerja swasta, **Siti Nuramalina Azmi** berkata kadar gaji minima boleh membantu perkembangan ekonomi negara.

"Bila gaji ditingkatkan, orang ramai mempunyai kuasa beli lebih banyak sekali gus merencanakan ekonomi negara.

"Malah selain itu, dapat membantu orang ramai untuk menabung dan tidak lagi melakukan dua atau lebih pekerjaan bagi menampung perbelanjaan," ujarinya. **WK**



MUHAMMAD



DIDI ERY



NURAMALINA

Tuduhan, sindiran harga minyak belum turun, ini jawapan Anwar

"HARI ini kita menang, besok harga minyak turun."

Itu kata-kata dan janji Perdana Menteri (PM), **Datuk Seri Anwar Ibrahim** 15 tahun lalu namun sehingga ke hari ini kata-kata tersebut terus-terusan dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab tanpa mengambil kira perkembangan semasa.

Dalam masa yang sama, ia terus dimainkan dan tular dalam media sosial sehingga ke hari ini. Cubalah berfikir secara logik, kita sudah pun berada dalam tahun 2023 takkan sama dengan keadaan pada tahun 2008.

Anwar bagaimanapun sedar ramai yang menggunakan petikan ucapan beliau sekali gus menuntut janji daripadanya untuk menurunkan harga minyak pada masa sekarang.

Bagi menjawab persoalan tersebut, beliau dalam satu hantaran di akaun media sosialnya memuat naik video penjelasan mengenai janji 15 tahun lalu yang tidak dapat dilaksanakan pada hari ini.

"Macam minyak sekarang, saya dicerca merata tempat, 'hari ini menang, esok minyak turun'.

"Ketika janji tersebut diungkap 15 tahun lalu, harga minyak Arab Saudi, negara pengeluar minyak



HARGA semasa petrol di Malaysia masih berada di tahap rendah iaitu RM2.05 berbanding Arab Saudi yang menetapkan harga RM2.84 seliter.

terbesar dunia hanya 50 sen seliter berbanding Malaysia RM1.60 hingga RM1.80 seliter.

"Mengapa harga minyak ketika ini masih belum turun? Ini jawapan saya.

"Bila saya kata itu, 2008 pada masa itu, harga minyak Arab Saudi hanya 50 sen seliter berbanding kita, harganya RM1.80. RM1.60 seliter.

"Pasal apa Arab Saudi boleh 50

sen dan kita tinggi sangat, kita pun kena turun la. Mengapa sekarang pada 2023 (tidak boleh turunkan) kerana sekarang harga minyak Arab Saudi lebih tinggi dari Malaysia.

"Kita nak turunkan macam mana lagi? Kita sudah ada beri subsidi, subsidi tinggi dah, RM30 hingga 40 bilion subsidi," kata Anwar.

Jelas beliau lagi, Arab Saudi dijadikan perbandingan kerana negara tersebut merupakan

pengeluar minyak yang mengeluarkan bahan api berlipat kali ganda berbanding Malaysia.

Awal bulan lalu ketika di Dewan Rakyat, Anwar menjelaskan harga petrol tidak boleh diturunkan kepada RM1.50 seliter susulan perkembangan membabitkan kadar semasa minyak mentah dunia.

Walaupun bagaimanapun, Perdana Menteri berkata harga semasa petrol di Malaysia masih berada di tahap rendah, iaitu RM2.05 seliter berbanding Arab Saudi yang menetapkan harga RM2.84 seliter.

Justeru itu, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata adalah tidak wajar jika cadangan yang diajukan beliau ketika tahun 2008 itu, berterusan dimanipulasi tanpa mengambil kira perkembangan pada hari ini.

Diharapkan pihak-pihak di luar sana, sudah-sudahlah menanggung di air keruh untuk kepentingan masing-masing. Bagi ruang untuk rakyat Malaysia. Sedarlah, buka mata, sudah terlalu banyak yang beliau lakukan demi negara tercinta.

Jangan terlalu mudah untuk menabur fitnah kerana ia merupakan wabak yang semakin lama semakin membarah sekali gus mampu membinasakan negara. **WK**

Tular video palsu beras habis, rakyat jangan tertipu

BUKAN sahaja menjadi perbualan hangat masyarakat seluruh negara, malah isu beras habis juga tular dalam media sosial.

Kalau yang tular itu benar, bolehlah diterima. Masalahnya ia adalah video palsu yang sengaja direka untuk menimbulkan rasa panik dan kebimbangan melampau dalam kalangan masyarakat.

Ini disahkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang mendapati di mana kekurangan bekalan beras putih tempatan (BPT) dalam pasaran negara berpunca daripada pembelian panik.

Hal tersebut dicetuskan melalui sebuah video yang menyebarkan berita palsu bahawa bekalan beras jenis itu bakal kehabisan.

Selain itu, kementerian juga mengesan trend pengguna yang terpaksa beralih daripada membeli beras putih import (BPI) kepada BPT, ekoran berlaku kenaikan harga mendadak disebabkan tindakan India menghentikan eksport bahan mentah itu.

Menteri KPKM, **Datuk Seri Mohamad Sabu** berkata situasi berkenaan mendorong pengguna menyerbu pasar raya mahupun kedai runcit untuk membeli BPT lebih banyak daripada biasa.

Tidak kurang pengguna yang kebiasaannya membeli BPI sebelum ini dijual pada harga RM32 hingga

RM34 bagi setiap kilogram (kg) terpaksa menukar 'cita rasa' membeli BPT setelah harga mencecah RM37 dan RM40.

"Orang Petaling Jaya, orang Shah Alam dan orang sebelah situ semuanya makan beras import sebab harga beras tempatan RM26 manakala beras import harganya RM32 dan RM34. Tidak mahal sangat dan mereka kata beras import ini elok.

"Tetapi bila harga beras import naik melambung sampai RM37, RM40, mereka cari beras tempatan. Bila cari beras tempatan pula ada (pihak) main (sebar) dalam video dan sebagainya bahawa bulan depan tak ada beras.

"Jadi orang ramai pun terpaksa (serbu) pergi beli beras yang sebelum dia (cuma) guna sekampit tetapi dia beli tiga (kampit).

"Bila dia beli tiga (kampit) dia ambil yang orang lain dua kampit. Yang (selalu guna) dua kampit pula dia beli empat (kampit)," katanya.

Mengakui keadaan sekarang agak kelam-kabut, Mohamad Sabu berkata semakin hari keadaan mulai pulih dengan pelaksanaan beberapa langkah jangka pendek.

"Kita akan bincang dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) kalau sudah bersetuju semuanya, agensi kerajaan seperti hospital, kem tentera, polis dan sebagainya, kita minta mereka

membeli beras import.

"Selepas itu, bekalan beras tempatan akan dilambak kembali di pasaran. Kalau tak menjadi juga, saya cari jalan yang lain kerana itu (strategi) jangka pendek," katanya.

Mengenai strategi jangka panjang, Mohamad berkata kerajaan sekarang sedang berusaha untuk merealisasikan tuaian hasil padi selama lima musim untuk tempoh dua tahun, menerusi kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah.

Dalam pada itu, beliau berkata



MASALAH kekurangan BPT mulai pulih dengan pelaksanaan beberapa langkah jangka pendek.

MENARIK DI WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

7/10/23: Hiking with Rapid KL @ Bukit Kemensah

14/10/23: Pentas Seni Merdeka @ Dataran Merdeka

20-22/10/23: Festival Seni Hidup @ Lalaport Bukit Bintang

3-5/11/23: Inspitari 2023 @ MaTiC KL

PUTRAJAYA



6-8/10/23: Karnival Mega Lestari Alam @ Anjung Floria

13-15/10/23: Hari Sukan Negara @ Dataran Putrajaya

14/10/23: Singgah Seni 4 @ Dataran Putrajaya

14/10/23: Kejohanan Stacking @ Dewan Podium, KBS

21-22/10/23: Putrajaya Aquafest 2023 @ KOSA Presint 6

22/10/23: Garmin Run Asia Series 2023 - Malaysia @ Dataran Putrajaya Score Sports Management Sdn Bhd

LABUAN

Oktober 2023: Kejohanan Silat Tanding & Seni Usia Dini Terbuka Labuan @ Dewan Arena Labuan

6-8/10/23: Festival Makanan Tradisional Borneo MADANI @ Kompleks Ujana Kewangan

7-8/10/23: Liga Sukan Komuniti Labuan @ Gelanggang Futsal Tanjung Purun & Dewan Arena Bukit Kuda

14/10/23: Hari Sukan Negara @ Kompleks Sukan Laut Labuan

15/10/23: Tour de Labuan @ Desa Tunas Hijau Labuan





KITAR SEMULA E-WASTE

TAHUKAH ANDA ?

Pemprosesan **e-waste** mengikut kaedah tidak sesuai boleh menyebabkan **masalah kesihatan dan pencemaran yang serius** kerana e-waste mengandungi beberapa bahan pencemar seperti **plumbum dan kadmium**.

Pastikan anda lupuskan peranti lama dengan betul agar kebersihan anda terjaga.

Jom ikuti langkah yang lebih mesra alam dengan mengitar semula. Jayakan misi **KITAR** untuk masa depan yang lebih baik!





MOHAMAD (duduk, tiga dari kiri) menerima buku Panduan Reka Bentuk Jalan Global Versi Bahasa Melayu daripada wakil GDCI.

Panduan Reka Bentuk Jalan Global versi BM dilancarkan

HAZIRAH HALIM

MENJELANG 2030, Malaysia tekad untuk mencapai pengurangan sekurang-kurangnya 50 peratus kematian dan kecederaan akibat nahas jalan raya selari dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 dan Dekad Kedua Tindakan untuk Keselamatan Jalan Raya 2021-2030 yang diisytiharkan dalam Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kuala Lumpur menyertai fasa ketiga Bloomberg Philanthropies Initiative for Global Road Safety (BIGRS) dalam usaha untuk mengurangkan nahas dan kematian jalan raya melalui penguatkuasaan yang lebih baik, pengumpulan data yang menyeluruh, komunikasi yang berkesan dan reka bentuk jalan yang lebih selamat untuk pengguna.

Sehubungan itu, Global Designing Cities Initiative (GDCI) yang merupakan rakan kongsi utama di bawah BIGRS dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menghasilkan Panduan Reka Bentuk Jalan Global versi Bahasa Melayu.

Selain itu, Bike Commute Malaysia dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Malaysia (MIROS) turut bekerjasama rapat dengan GDCI dan DBKL dalam menghasilkan versi terjemahan panduan berkenaan.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan Panduan Reka Bentuk Jalan Global ini dibangunkan dengan input daripada pakar-pakar dari 72 bandar dan 42 negara yang merangkumi kajian kes antarabangsa dan panduan teknikal

mengenai reka bentuk jalan yang memberi keutamaan kepada pejalan kaki, penunggang basikal dan pengguna pengangkutan awam.



MOHAMAD

“Terjemahan Bahasa Malaysia ini boleh dimuat turun secara percuma di laman sesawang <https://globaldesigningcities.org/publication/global-street-design-guide-my/>.

“Ia juga tersedia dalam enam bahasa lain iaitu Bahasa Itali, Mandarin, Portugis, Sepanyol, Turki dan Vietnam,” ujar DBKL.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL, **Mohamad Hamim** berkata panduan ini mencerminkan komitmen tidak berbelah bahagi bandar raya Kuala Lumpur untuk mempunyai reka bentuk jalan yang lebih selamat dan merintis

penyelesaian reka bentuk bandar yang inovatif.

“Keutamaan DBKL adalah untuk meningkatkan keselamatan jalan raya di seluruh bandar raya Kuala Lumpur dan mewujudkan sebuah bandar yang mesra dengan pelbagai pilihan perjalanan selamat untuk semua warga kota.

“Saya berharap kerjasama dengan BIGRS dapat mengadaptasi pendekatan baru yang berkekalan dan semoga Kuala Lumpur akan dijadikan contoh oleh negara-negara serantau,” ujarnya ketika melancarkan panduan berkenaan di Menara 1, DBKL baru-baru ini.

Sebelum ini, DBKL bersama GDCI dan Bike Commute Malaysia telah menerajui transformasi sebatang jalan raya berdekatan dengan dua buah sekolah di Jalan Genting Klang, Setapak, Kuala Lumpur. **WK**

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial *Wilayahku*.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sagu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) *Wilayahku*.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

‘Syurga’ penagih dadah

DI mana sahaja ada bangunan atau rumah tinggal, pasti akan ada penghuni yang tidak diundang menduduki premis tersebut. Selalunya ialah gelandangan atau penagih dadah yang menjadikan tempat tersebut ‘syurga’ untuk tinggal atau mengambil dadah.

Premis tinggal yang kini menjadi sasaran penghuni tidak diundang ialah rumah pangsa awam Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Jalan Kuching, Kuala Lumpur. Perumahan awam ini ditinggalkan sejak tahun 2008.

Perumahan ini pada asalnya ialah kuarters tentera. Kawan-kawan Kedai Kopi dapat tahu dalam usaha menjadikan ia kediaman selesa, kerja baik pulih 10 blok kuarters tersebut dijalankan pada awal 2008 tetapi ditinggalkan pada hujung Disember tahun sama. Ini kerana kuarters tentera berpindah ke tempat baharu.

Sejak itu kawasan berkenaan dibiarkan, dipenuhi semak. Siapa juga bebas keluar

masuk, baik gelandangan, penagih atau pencuri. Tempat tersebut dijadikan stor menyimpan barang curi. Malah menurut penduduk, ada penagih dadah ditemui mati di premis tersebut akibat mengambil dadah berlebihan.

Walaupun pihak polis melakukan rondaan, kehadiran gelandangan dan penagih dadah tetap berterusan. Mereka ‘hilang’ ketika polis meronda, tetapi muncul apabila polis sudah tiada.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya keadaan ini akan berterusan selagi ia terus terbiar. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelumnya dilaporkan bersetuju pembangunan semula kuarters berkenaan dijalankan. Tetapi pihak terlibat tidak melaksanakan sebarang usaha sehingga kebenaran yang diberi oleh DBKL mansuh pada 2022.

Kerana itu, pemilik premis berkenaan perlu membuat keputusan segera dan muktamad mengenai apa perancangan untuk premis terbiar itu. Perkara ini rasanya masih boleh dibincangkan dengan DBKL. Tetapi mestilah ada perancangan konkrit.

Jangan biarkan bangunan tinggal itu sebagai hutan batu di tengah kota. Selain menjemput penghuni tidak diundang, ia mendatangkan

risiko daripada segi keselamatan kepada orang ramai di sekitar.

Sebenarnya bukan sahaja premis PKNS tersebut yang perlu diberi perhatian tetapi juga premis lain yang ditinggalkan terbiar di ibu kota. Sama ada baik pulih atau musnahkan terus. Jangan biarkan ia mencatatkan pemandangan di bandar raya.

Polis terlibat jenayah

SEJUMLAH 18 orang pegawai dan anggota polis kontingen Kuala Lumpur dibuang kerja kerana kesalahan berkaitan dadah, jenayah serta tidak hadir bertugas dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

Menurut Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid, dalam tempoh sama juga enam anggota diturunkan pangkat. Selain itu Jabatan Integriti dan Pematuhan juga telah membuka sebanyak 157 kertas siasatan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini perkembangan yang merisaukan. Polis yang sepatutnya menjadi benteng hadapan mempertahankan undang-undang serta memerangi jenayah dan dadah sebaliknya terlibat pula dengan kegiatan tersebut.

Mungkin jumlah yang terlibat tidak ramai

berbanding keseluruhan jumlah pegawai dan anggota kontingen polis Kuala Lumpur, tetapi perbuatan negatif segelintir mereka mencemar nama baik pasukan keseluruhannya.

Selain itu, ia merosakkan nama baik diri sendiri serta menjejaskan nama baik keluarga. Nama yang sudah tercalar bukan mudah digilap semula, malah boleh memberi kesan jangka panjang dalam kehidupan.

Kawan-kawan Kedai Kopi sedar anggota polis adalah juga manusia biasa seperti orang lain. Kerana itu mereka juga melakukan kesalahan dan kesilapan. Mungkin kerana terdedah kepada godaan yang sukar ditangkis dalam proses menjalankan tugas.

Tetapi harus diingat, orang ramai meletakkan harapan agar polis berintegriti tinggi sebagai pelindung undang-undang. Kerana itu mereka tidak harus mudah terjebak ke dalam kancang jenayah, dadah atau aktiviti lain yang bertentangan dengan undang-undang.

Semoga tindakan tegas yang diambil ke atas segelintir pegawai dan anggota polis Kuala Lumpur akan menjadi pengajaran dan peringatan kepada anggota lain agar tidak melakukan kesalahan sama. Bertugaslah dengan jujur dan amanah, jadikan ia pegangan dalam kehidupan seharian. *Insya-Allah* selamat.

Suka duka di Puduraya



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

“Di perhentian Puduraya tempat mula bersua dalam bas berwarna biru menuju ke utara. Senyum terukir untukmu kau membalas tunduk malu sungguh ayu ku terpanah godaan cinta pertama.”
(Lagu Di Perhentian Puduraya nyanyian Kembara)

KEPADA warga Kuala Lumpur dekad 1980-an, Puduraya yang terletak di kawasan Pudu di tengah bandar raya itu tidak sekadar stesen bas terbesar dan paling sibuk. Puduraya kepada sebahagian warga kota pada dekad berkenaan adalah suatu yang sangat monumental.

Puduraya meninggalkan suatu rasa yang sangat mengesankan dan menjadi ingatan pada satu era dan dilalui oleh individu dan stesen bas besar itu menjadi latarnya. Ia muncul dalam ingatan sama ada yang manis dan juga pahit. Puduraya seperti melihat kehidupan manusia yang keluar dan masuk dalam perutnya.

Bagaimanapun Puduraya merakamkan setiap peristiwa yang dilalui oleh individu dan stesen bas besar itu menjadi latarnya. Ia muncul dalam ingatan sama ada yang manis dan juga pahit. Puduraya seperti melihat kehidupan manusia yang keluar dan masuk dalam perutnya.

Itulah gerbang yang mengucapkan selamat datang kepada perantau yang mencuba nasib di kota ini. Dengan jiwa yang masih tebal nilai-nilai kampungnya, mereka melangkah keluar dari Puduraya bermulalah asimilasi dengan nilai-nilai kota yang moden dan rakus. Kalau tewas pasti hanyut dan tenggelam.

Maka stesen bas itu selalu mengingatkan pada fragmen waktu yang suka dan duka dan yang telah terbang jauh daripada alam masa kini. Sekalipun begitu ingatan yang silih berganti pada peristiwa tertentu menjadikan Puduraya hidup segar seperti era kemuncaknya. Hakikatnya masa itu sudah jauh berlalu dan yang tinggal hanyalah satu ingatan, satu kenangan.

Ingat Puduraya akan ingat juga pada kerenah kehidupan manusia di sekitar bangunan yang didirikan pada 1973 dan dirasmikan pada 2 Oktober 1976. Ia menjadi terminal akhir perjalanan ke kota - dari utara, selatan dan pantai timur.



PUDURAYA turut menjadi ikon Kuala Lumpur dan diharapkan kekal sebagai bingkisan sejarah. - Gambar hiasan

Keberadaannya sebagai penghubung pergerakan manusia telah terakam pada diri-diri tentang cerita dan peristiwa masing-masing.

Kalau Sudirman berkata, “Kalau pergi ke Kuala Kubu, tulislah nama di atas batu,” bagi mereka yang pernah bertemu pasangan hidup di situ, tulislah nama Puduraya di dalam kalbu. Banyak yang mulanya bertemu di Puduraya kemudian terus kekal hingga beranak cucu. Tidak kurang juga yang patah hati putus harapan dan Puduraya menyaksikan kepahitan itu.

Penyair Allahyarham Zahari Hasib pernah menulis puisi tentang seorang wanita di Puduraya. Saya bertanya, adakah ia terilham daripada kisah benar? Zahari memberitahu, itu sebuah kisah benar seorang wanita yang dicemar lelaki kota bertekad balik ke kampung bersama anak yang dikandungnya.

Saya juga masih ingat kisah seorang rakan wartawan yang bergayut di telefon awam Puduraya hampir dua jam lamanya. Bukan sekali tetapi berkali-kali. Apabila dia memberitahu hendak ke pondok telefon di Puduraya, saya dan rakan-rakan lain pun meninggalkan dia.

“Aku rasa boleh cayaq (cair) gagang telefon tu,” kata seorang rakan merujuk kesukaan rakan saya bergayut di telefon awam. Itulah secebis cerita kehidupan ketika

muda dulu dan Puduraya disinggah setiap hari kerana bas Tong Fong dari Jalan Chan Sow Lin berakhir di Puduraya.

Paling tidak dapat dilupakan adalah tragedi yang berlaku kepada seorang rakan yang mahu balik berhari raya. Hari itu dua hari sebelum raya. Disebabkan jualan tiket ke utara sudah habis di kaunter, dia membeli tiket daripada ‘ulat tiket’ yang berkelir di Puduraya.

Tunggu punya tunggu hingga bas terakhir berlepas dari Puduraya, bas yang dijanjikan tidak juga muncul. Dia mulai cuak dan akhirnya terbukti tiket yang dibeli itu tidak ada bas. Bagaimanapun kerana lambaian kampung halaman, dia mengambil teksi ke Ipoh. Dari Ipoh dia cari bas ke Butterworth kemudian ke Alor Setar. Disebabkan hari raya seranahnya kepada ‘ulat tiket’ bersukat juga.

Puduraya bagi merangkumkan semua rakyat Malaysia – mereka yang menunggu bas untuk ke destinasi masing-masing datangnyanya dari semua negeri di Semenanjung. Boleh mendengar berbagai-bagai dialek yang menunjukkan penumpang datang dari berbagai-bagai tempat di pelosok negara ini.

Waktu itu Puduraya hanya sepi selepas pukul 2 pagi dan riuh semula seawal pukul 4 pagi. Begitulah kehidupan di Puduraya pada setiap hari. Manusia hilir dan

rudik dan Puduraya adalah satu jenama yang melekat di ingatan banyak orang.

Dulunya ketika belum datang ke Kuala Lumpur saya hanya ketawa apabila orang bercerita tentang hebatnya Puduraya. Lingkungan pengalaman saya hanya melihat stesen bas di Kangar dan Alor Setar. Tidak tahu yang Puduraya ada 24 platform dengan 800 perjalanan setiap hari. Puduraya pula boleh menampung 40 bas pada satu-satu masa.

Selain menjadi stesen bas ekspres perjalanan jauh, Puduraya juga antara stesen bas di Lembah Kelang untuk ke Kajang, Sepang, Seremban dan Banting. Laluan ke Seremban menjadi tumpuan pada setiap Sabtu. Banyak penumpang yang berasal dari Negeri Sembilan berulang-alik setiap minggu ke kampung selepas kerja separuh hari pada Sabtu.

Puduraya antara tiga perkara yang membuatkan semua orang ingat tentang Pekan Pudu yang dulunya kecil dan terpencil. Bukan itu sahaja malah tahun 1970-an menjadi senama dengan kegiatan samseng dan kongsi gelap. Selain Puduraya, nama Pudu juga ada pada Penjara Pudu dan Pasar Pudu.

Kini Pekan Pudu sudah membangun dengan pesat dan hilang ciri-ciri sebuah pekan kecil yang klasik - banyak rumah kedai lama. Bagaimanapun dua daripada

ikon Pudu – Puduraya dan Penjara Pudu hanya tinggal dalam sejarah.

Puduraya sudah bertukar nama dan wajah menjadi Pudu Sentral pada 27 Ogos 2011. Pelik juga memikirkan sikap sesetengah penguasa kita, sudah ada nama yang cantik, tiba-tiba terselit pula unsur-unsur penjajah menjadi ‘Pudu Sentral.’ Tetapi kini Pudu Sentral juga sudah tidak menjadi stesen bas utama. Bangunan itu tersergam tetapi agak sepi.

Stesen bas ekspres utama berpindah ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di Bandar Tasek Selatan. Semua perkhidmatan bas ke utara, selatan dan pantai timur berpusat di TBS yang disatukan dengan laluan komuter KTM dan ERL ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Walaupun begitu keberadaan TBS tidak mampu memadamkan nilai sentimental yang terpahat di Puduraya, terutama kepada generasi dekad 1980-an di Kuala Lumpur. Kenangan yang berlatarkan Puduraya sangat tebal dan seperti sebuah kehilangan apabila stesen itu kini hanya tinggal dalam sejarah.

Mereka yang pernah melalui alam orang muda pada tahun 1980-an tentu tidak dapat melupakan stesen bas yang menjadi tempat membuat temu janji. Kedukaan dan kegembiraan silih berganti dan bersulam seli. Kalau dinding dan lantai boleh menjadi saksi, kita pasti dapat melihat kehidupan yang beraneka warna merentas stesen itu.



KARYA WILAYAHKU

*Wilayahku,
kami melihat di kaca waktu
siang mewarnakan perspektif
warga yang mendaki mengutip rindu
bangun untuk menuai spektrum
termasuk bayang-bayang mimpi
yang berjalan memetik matahari*

*Wilayahku,
kami membaca karya saktimu
bila batu-batu menjadi kota
cahaya memercikkan citra
tugu karya menyala
menggamit pengembara
berlabuh di ruang berwarna
gabungan etika dan estetika*

SOLIHIN OSMAN
Dangau Seni, Kangar.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA
DAN INFORMASI TERKINI!



Ibu tunggal derita kanser rahim terharu dibantu YWP

HAZIRAH HALIM

DERITA menunggang penyakit kanser rahim tidak mematahkan semangat ibu tunggal kepada empat orang anak, **Devi Chandra Sing @Chandra Singh**, 48, untuk terus cecal dan kuat dalam menyara kehidupan diri dan keluarga.

Sejak kematian suaminya pada tahun 2011, dia perlu mengambil alih tanggungjawab menjaga anak-anaknya yang di mana salah seorangnya menghidap penyakit leukemia.

“Kehidupan saya berubah kerana segalanya perlu digalas di bahu sendiri biarpun ketika kesakitan menyerang, saya tetap perlu kuat demi anak-anak. Sekarang ini saya berulang-alik ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk mendapatkan rawatan.

“Keadaan kesihatan saya semakin merosot sepatutnya saya perlu menjalani pembedahan tetapi



DEVIKE (dua dari kanan) menerima bantuan tunai one-off daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Gulam Muzaffar Gulam Mustakim (tiga dari kiri). Turut serta Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan dan Kesejahteraan Komuniti YWP, Zahrlail Abdul Rahman.

disebabkan wang tidak mencukupi, ia terpaksa ditangguhkan,” ujarnya yang perlu memakai lampin dewasa selain turut menghidap penyakit darah tinggi dan kencing manis.

Bagi meneruskan kehidupan,

dia hanya bergantung kepada duit simpanan mendiang suaminya sahaja. Dalam masa yang sama, dia turut berharap mendapat pertolongan daripada pihak lain namun tidak tahu saluran untuk meminta bantuan.

“Kos perubatan sangat tinggi tambah pula dengan duit perbelanjaan anak-anak yang masih belajar, rumah dan perbelanjaan peribadi, ia memang tidak mencukupi.

“Kalau tiada duit, saya akan siapkan bekalan roti untuk anak-anak dan akan bagitahu mereka, saya tiada duit dan minta mereka makan itu sahaja,” ujarnya sambil mengalirkan air mata.

Katanya lagi, tiada seorang ibu pun yang mahu melihat anak-anaknya hidup dalam kesusahan namun terpaksa merelakan kerana tiada apa lagi yang mampu dilakukan olehnya melainkan terus bertahan.

“Terima kasih Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kerana simpati dengan nasib yang menimpa saya sekeluarga. Bantuan ini membawa seribu makna dan dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung kami,” ujarnya yang kini tinggal bersama tiga orang anaknya manakala anak sulungnya yang berumur 26 tahun

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

yang tinggal bersendirian.

Terdahulu, Devi Chandra menerima sumbangan bantuan wang tunai one-off daripada YWP di rumahnya yang terletak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Batu Muda. **WK**

FESKA 2023 pupuk semangat perpaduan, cinta seni budaya

FESTIVAL Kesenian Kanak-Kanak Kebangsaan (FESKA) 2023 yang mempertandingkan persembahan seni tarian dalam kalangan pelajar sekolah dilihat mampu menjadi landasan menyuburkan semangat perpaduan dan cintakan seni budaya warisan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), **Mohd Amran Mohd Haris** berkata perkara ini selaras dengan matlamat Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) ke arah mengukuhkan perpaduan dan keperibadian jati diri rakyat dan identiti nasional.

“Kanak-kanak adalah tunjang harapan dan aspirasi masa hadapan negara. Peranan generasi muda hari ini harus diperkasakan terutama dalam konteks pembangunan modal bagi melahirkan generasi celik budaya.

“Sebagai sebuah jabatan yang menerajui pembangunan penyemarakan seni budaya dan pembangunan modal insan seni budaya, JKKN amat menghargai serta menyokong penuh usaha yang dilaksanakan oleh Persatuan Penggiat Pelancongan Senibudaya Warisan Kraf Negeri Selangor (PESTA),” katanya pada Malam Aspirasi Seni Kanak-Kanak baru-baru ini.

Berkongsi mengenai FESKA 2023, ia merupakan sebahagian daripada program di bawah teras utama JKKN yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan seni budaya di mana pelaksanaan program tersebut adalah manifestasi kepada pelaksanaan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB).

“Menariknya FESKA kali ini menentengahkan kumpulan terbaik yang telah menjadi juara dari setiap negeri untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan. Kali ini, Sekolah Kebangsaan (SK) Puncak Alam (2) dinobatkan sebagai johan bagi Kejuaraan Tari Kanak-Kanak Malaysia; naib juara disandang oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Keat Hwa Alor Setar, Kedah dan tempat ketiga SK Kiawayan Tambunan, Sabah.

“Selain itu, beberapa kategori lain turut diadakan antaranya Anugerah Busana Terbaik dirangkul oleh Sekolah Seni Malaysia, Perak; Anugerah Susunan Muzik Terbaik, SJKC Keat Hwa dan Anugerah Khas Juri iaitu SK Perempuan Methodist Kuantan, Pahang,” katanya.

Terdahulu, festival yang berlangsung pada 30 September hingga 1 Oktober di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) merupakan anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui JKKN dengan kerjasama PESTA. **WK**



AKSI tarian yang dipersembahkan pada FESKA 2023 yang berlangsung di MaTiC baru-baru ini.

Wilayahku anjur Bengkel Pemantapan Pasukan, pacu pertumbuhan syarikat

BAGI memastikan Akhbar *Wilayahku* terus relevan memenuhi kehendak pembaca, YWP Media Sdn Bhd mengadakan Bengkel Pemantapan Pasukan (*Team Building & Retreat*) bersama kakitangan selama pada 28 hingga 30 September lalu di Avillion, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Pengerusi YWP Media Sdn Bhd, **Datuk Afdlin Shauki** berkata tujuan utama program ini adalah untuk mewujudkan dan meningkatkan semangat kerja serta motivasi yang tinggi dalam kalangan kakitangan dan pihak pengurusan.

“Kita turut merangkap perancangan perniagaan tiga tahun berdasarkan sasaran yang ditetapkan oleh pengurusan di samping membincangkan beberapa idea baharu bersama-sama untuk pertumbuhan kemajuan syarikat.

“Dengan adanya perbincangan dan sesi pertukaran idea tersebut, syarikat dapat memperoleh perspektif baru dan

strategik dalam membantu pertumbuhan serta peningkatan prestasi perniagaan,” kata beliau.

Dalam masa yang sama, beliau juga mengingatkan semua kakitangan untuk menetapkan impian dan hala tuju supaya segala tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

“*Insya-Allah*, Akhbar *Wilayahku* akan dikembangkan dengan beberapa inovasi terbaharu merangkumi media sosial yang pastinya akan membawakan lebih banyak berita-berita menarik untuk santapan pembaca,” katanya.

Untuk rekod, YWP Media Sdn Bhd adalah sebuah syarikat penerbitan akhbar mingguan yang mula beroperasi pada 2019 dan merupakan anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Akhbar 24 halaman ini menyiarkan berita berkaitan isu-isu semasa, aktiviti menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. **WK**



AFDLIN (sembilan dari kanan) bersama barisan kakitangan YWP Media Sdn Bhd.

WK2

Bil 231.6-12 OKTOBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

MUZIUM NEGARA
— SEMENTARA —

6 dekad Muzium Negara: Satu retrospektif

Muzium Negara khazanah warisan kebangsaan



REKAAN bangunan bercirikan seni bina istana Raja-Raja Melayu.



Foto: AMIN FARUJ HASSAN & MUZIUM NEGARA

HAZIRAH HALIM

MEMASUKI tempoh enam dekad, Muzium Negara terus mengorak langkah memberikan perkhidmatan terbaik dalam aspek permuziuman terutama berkaitan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi, penyelidikan, pameran, penerbitan, pendidikan dan pengembangan.

Ia juga menjadi simbol keutuhan perpaduan, semangat patriotik dan berperanan tinggi sebagai platform untuk mendidik bangsa mendalami, memelihara dan menghargai khazanah warisan negara termasuk pembangunan negara serta masyarakat.

Sebagai sebuah institusi yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat, Muzium Negara ditubuhkan dengan objektif dan matlamat yang jelas sebagaimana terkandung di dalam Memoranda Sifat-sifat Penting Muzium Negara seperti mempamerkan dan memanfaatkan bahan artifak warisan sejarah negara dan menjadikannya sebagai salah satu produk pelancongan negara.

Mengimbu kembali detik bersejarah penubuhan Muzium Negara, sejarah permuziuman di Malaysia bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British menubuhkan Muzium Perak di Taiping. Kemudiannya disusuli dengan penubuhan muzium di negeri lain seperti Muzium Sarawak di Kuching pada tahun 1888 dan Muzium Selangor pada tahun 1899.

Pada tahun 1910, pengurusan Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu namun pengurusan tersebut dipisahkan semula pada tahun 1930 sebagai satu langkah di bawah sistem disentralisasi oleh pemerintah British.

Sebahagian daripada bangunan Muzium Selangor dirobohkan susulan pengeboman yang dilakukan oleh Tentera Udara Pihak Perikatan pada 10 Mac 1945 sekali gus mengakibatkan sebahagian besar koleksi artifak musnah.

Dua tahun selepas Kemerdekaan iaitu pada tahun 1959, kerajaan telah melantik arkitek bernama Ho Kok Hoe untuk mereka bentuk Muzium Negara yang dicadangkan dibina di atas tapak runtuh Muzium Selangor yang telah roboh akibat serangan bom. Idea penubuhan ini

dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Beliau berpendapat, Tanah Melayu (pada ketika itu) memerlukan sebuah muzium yang beridentiti nasional untuk menterjemahkan kepelbagaian aspek budaya, warisan dan alam semula jadi negara.

"Banyak sebab2-nya kenapa mustahak di-adakan tempat yang sesuai bagi menggambarkan chara kehidupan kita pada masa yang lepas dan juga pada masa sekarang ini. Satu daripada-nya ia-lah bagi menambahkan kekayaan dalam pelajaran dan kebudayaan. Oleh sebab itu-lah, patek fikir sangat munasabah jika bangunan Muzium ini di-buat dengan chara bentok asli. Pada ingatan patek ha-nya ada sa-buah sahaja bangunan bentok sechara begini ia-itu-lah Balai Besar di Kedah.

"Jadi patek langsung hantar (Enche Ho Kok Hoe) sa-orang architect muda ka Alor Star menyuruh ia kaji dan pelajari chara2 bentok rupa bangunan Balai Besar itu dan kemudian minta ia membuat plan Muzium ini dengan memakai seberapa banyak chara2 pertukangan Tanah Melayu di-dalam-nya.

"Hasil daripada kajian dan

usaha-nya ia-lah bangunan Muzium Kebangsaan yang indah ini. Patek perchaya bangunan ini akan menjadi sa-buah bangunan tumpuan sebagai chontoh keindahan, kemegahan dan keaslian," ujar beliau ketika merasmikan pembukaan Muzium Negara di Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1963.

Kerja-kerja pembangunan Muzium Negara telah mula dilaksanakan pada tahun 1959 dan siap sepenuhnya pada bulan Ogos 1963. Upacara perasmian Muzium Negara telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketiga, Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail pada 31 Ogos 1963.

Lebih membanggakan, pada 11 Ogos 2015, Muzium Negara telah menerima pengiktirafan sebagai bangunan warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

REKA BENTUK BERCIRIKAN ISTANA RAJA MELAYU

MUZIUM Negara merupakan salah sebuah bangunan yang unik di Malaysia di mana reka bentuk bangunan ini diterjemahkan berdasarkan ciri-ciri seni bina istana Raja-Raja Melayu.

Terletak di Jalan Damansara, Kuala Lumpur berhampiran Taman Tasik Perdana, Muzium Negara pernah digelar satu-satunya bangunan kerajaan yang beridentitikan seni bina Melayu tradisional.

Keunikan Muzium Negara tidak hanya terlihat pada seni binanya sahaja tetapi turut terpapar pada permukaan dinding hadapannya yang dihiasi dengan dua buah mural diperbuat daripada kaca mozek Itali yang memaparkan rentetan sejarah dan kraftangan Malaysia hasil sentuhan pelukis terkenal tanah air, Cheong Lai Tong.

Reka bentuk yang dibina juga adalah mengikut keperluan untuk ruang pameran dan aktiviti berkaitan permuziuman di mana mural mozek di bahagian hadapan bangunan ini menggambarkan sejarah dan budaya negara manakala lantai di bahagian

tengah bangunan utama ini pula dihiasi dengan jubin khas yang merupakan hadiah daripada kerajaan Pakistan.

Bagi aspek pameran pula, pada awalnya Muzium Negara memfokuskan kepada sejarah tempatan, budaya, tradisi, seni, kraf, ekonomi, senjata, mata wang dan lain-lain.

Kini, Muzium Negara menempatkan empat galeri tetap yang mempunyai tema tersendiri iaitu Galeri A - Sejarah Awal, Galeri B- Kerajaan-Kerajaan Melayu, Galeri C- Era Kolonial dan Galeri D - Malaysia Kini.

Selain itu, di sekitar perkarangan muzium ini juga terdapat beberapa pameran pelbagai artifak menarik terdiri daripada pengangkutan, kenderaan, struktur semula jadi dan buatan manusia termasuk senjata dan arca.

Antaranya adalah kereta Rolls Royce, kenderaan bermotor dan kenderaan sivik antik iaitu 1.3 liter Proton Saga yang merupakan kereta nasional pertama dilancarkan pada 18 April 1985. Tambah pula, beberapa pameran turut merekodkan catatan blockbuster seperti Pameran Kenangan P.Ramlee (1973), Pameran Tinju Dunia (1975), Pameran Khazanah dari Kubur (1989) dan Pameran Terokai Hantu: Misteri dan Budaya (2002).

Pameran-pameran tersebut tidak hanya mendapat sambutan mengalakkan malah ia juga memberi banyak pengetahuan baharu kepada masyarakat seperti perkongsian maklumat berkaitan sejarah dan mengenali koleksi-koleksi khazanah negara yang pernah digunakan suatu ketika dahulu.

Kesimpulannya, kemegahan 60 tahun Muzium Negara sejak mula dirasmikan pada 1963 sehingga kini dilihat menjadi platform untuk mendidik bangsa mendalami, memelihara dan menghargai khazanah warisan negara dan ia jelas membuktikan bahawa Muzium Negara memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. **WK**



Depani cabaran teknologi, stigma masyarakat

SEJAK perasmianya pada 31 Ogos 1963, Muzium Negara terus mengorak langkah dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat menerusi aspek penyelidikan, koleksi, pameran, penerbitan dan konservasi serta program pendidikan dan pengembangan sehingga menginjak 60 tahun usianya pada tahun ini.

Mengakui ia bukan perkara mudah, Pengarah Muzium Negara, **Zamrul Amri Zakaria** berkata dalam tempoh enam dekad, pihaknya telah mendepani pelbagai cabaran terutama dari aspek teknologi dan persepsi masyarakat yang beranggapan bahawa muzium adalah sebuah lokasi atau bangunan yang membosankan, menyeramkan dan berhantu.

"Dari aspek teknologi, ia dapat dilihat melalui peredaran zaman di mana pada tahun 1963 dahulu, kita tiada sumber teknologi dan kini ia

telah berkembang dengan sangat pesat. Sukar dinafikan, kecanggihan teknologi sedikit sebanyak mempengaruhi perubahan setiap pameran yang ditonjolkan.

"Di zaman ini, pengunjung khususnya pelajar gemar melihat pameran bergambar kerana ia lebih menarik dan mudah difahami. Lebih jelas, ia juga dapat dikesan sewaktu negara dilanda COVID-19 di mana pada ketika itu teknologi diguna pakai oleh semua orang dalam apa jua urusan.

"Walau bagaimanapun, sejujurnya cabaran terbesar Muzium Negara adalah dari aspek penerimaan masyarakat dan bagaimana kaedah yang boleh dilakukan untuk menarik minat dan kehadiran mereka ke sini.

"Bila berbicara soal muzium akan terbayanglah di fikiran sesetengah masyarakat bahawa ia adalah bangunan lama yang tersergam dengan seni bina yang gerun lagi

menyeramkan disebabkan terdapat bahan-bahan artifak. Stigma inilah yang harus diubah dan dipupuskan," katanya kepada *Wilayahku*.

Zamrul berkata jika dahulu stigma masyarakat tertumpu kepada perkara berkenaan tetapi kini keadaannya sudah berbeza apabila Muzium Negara sentiasa dikunjungi pengunjung kerana kepelbagaian aktiviti dan program sekali gus mengekalkan relevansi sebagai pusat rujukan kepada penggemar dan pakar sejarah.

"Alhamdulillah, persepsi yang mengatakan muzium adalah tempat yang suram sudah berubah menjadi lokasi pusat ilmu, lawatan dan

santai. Sungguhpun begitu, kita khuatir sekiranya program-program yang dianjurkan tidak sesuai, tidak difahami mahupun memberi kesan kepada mereka.

"Namun, berdasarkan pemerhatian dalam setiap program yang dianjurkan, kita telah mengatur beberapa strategi di mana setiap pameran yang dilakukan perlu ada program sisipan yang menarik serta mempelbagaikan aktiviti yang boleh disertai pelbagai jenis golongan masyarakat tanpa mengira had umur," jelasnya yang banyak menerima kunjungan keluarga.

Untuk rekod, Muzium Negara telah meraikan pencapaian enam

dekad penubuhannya dengan melaksanakan Sambutan 60 tahun Muzium Negara pada 31 Ogos hingga 3 September lalu dengan catatan kehadiran pengunjung lebih 15,000 orang.

Sepanjang enam dekad penubuhannya juga, Muzium Negara telah berjaya mempamerkan pameran dengan kerjasama strategik pelbagai pihak sama ada dalam negara atau luar negara antaranya China, Kazakhstan, India, United Kingdom, USA dan sebagainya.

Sehingga Julai 2023, Muzium Negara telah menerima kehadiran lebih 80,759,578 orang pengunjung tempatan dan luar negara. **WK**



ZAMRUL AMRI



Muzium Negara, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

9 pagi hingga 5 petang (Setiap hari)

03-2267 1111



BERMALAM di Muzium Negara antara program yang mendapat sambutan.



Bakal jadi pusat citra sejarah - Kurator

MUZIUM Negara semakin mendapat tempat dalam kalangan pengunjung dengan kepelbagaian pameran, aktiviti dan program menarik yang ditonjolkan khusus kepada pengunjung dalam dan luar negara.

Tanpa sedar, ia sebenarnya membawa banyak manfaat kepada para pengunjung terutama buat pelajar-pelajar sekolah mahupun universiti untuk mengenal pasti, mendalami dan menghayati sejarah, warisan dan budaya ketamadunan bangsa termasuk sejarah dunia.

Mengakui perkara itu, Kurator Kanan Muzium Negara, **Mohd Jamil Haron** berkata bangunan warisan kebangsaan itu dilihat semakin berkembang dengan beberapa pelaksanaan program yang tidak hanya melibatkan pihak-pihak dari tanah air malah dari luar negara juga.

"Jelas terbukti, ia adalah perkembangan

yang sangat bagus. Pelawat semakin hari semakin bertambah selain program dan pameran juga menarik antaranya Program Bermalam di Muzium Negara," katanya.

Ditanya mengenai relevansi Muzium Negara, Jamil berkata Muzium Negara boleh menjadi pusat citra sejarah yang akan menjadi satu identiti nasional selari dengan gelarannya sebagai bangunan warisan kebangsaan.

"Sebagai seorang kurator, besarlah harapan saya untuk membawa Muzium Negara setara dengan muzium-muzium lain di dunia bukan sahaja dari programnya malah dari segi pengisian juga di mana kita perlu berusaha lebih untuk memperbanyakkan koleksi yang bernilai kepada negara untuk menarik lebih ramai kehadiran

pengunjung," katanya yang telah berkhidmat selama 15 tahun di Jabatan Muzium Malaysia sejak tahun 2009. **WK**



JAMIL HARON



KERANJIT KAUR

"SAYA tertarik untuk bawa anak-anak ke Muzium Negara untuk mereka selami dan kenali lebih mendalam akan peristiwa sejarah yang berlaku pada suatu ketika dahulu. Di sekolah mereka hanya mempelajari apa yang tertulis di dalam buku teks sahaja."

KERANJIT KAUR
Pengunjung



NUR AFRINA

"APABILA diberi peluang untuk menyertai aktiviti Bermalam di Muzium Negara, saya sangat teruja sebab dapat tidur dan menjelajah Muzium Negara pada waktu malam."

NUR AFRINA BATRISYIA
Pelajar



MOHD FAIZUL

"DI sinilah tempat untuk mempelajari banyak ilmu sejarah bukan sahaja berkaitan Malaysia tetapi sejarah dunia kerana banyak informasi yang boleh didapati dan difahami dengan lebih jelas berdasarkan gambar dan maklumat."

MOHD FAIZUL AZLI
Guru



ALLIGATOR Snapping Turtle.



Bekas jururawat jinakkan buaya di halaman rumah



VIDEO: HASIF HALIMI

SYUQREE DAIN

HAIWAN peliharaan sinonimnya dikaitkan dengan binatang yang mempunyai karakter comel serta manja dan mampu dijinakkan untuk dijadikan teman, perlindungan atau hiburan seperti kucing, anjing, arnab, hamster dan seumpamanya.

Namun memiliki buaya sebagai haiwan peliharaan adalah perkara yang jarang didengari dalam masyarakat di negara ini kerana reptilia itu sering kali dikategorikan

sebagai haiwan liar yang buas, berbahaya dan ganas.

Minat mendalam terhadap haiwan eksotik sejak kecil dan menginspirasi rancangan 'The Crocodile Hunter' di televisyen membuatkan seorang bekas jururawat, **Khairul Johari Mohd Denie**, 38, mengambil keputusan untuk membela enam ekor buaya jenis 'Smooth-fronted Caiman' secara sah di rumahnya di Kajang.

Hobi membela haiwan eksotik tercetus kerana sejak kecil lagi beliau sering berkunjung ke zoo dan taman buaya bersama keluarga. Keenam-enam ekor buaya tersebut dibeli daripada seorang peniaga yang berlesen dengan Jabatan

Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Menurut Khairul, buaya yang dipeliharanya adalah jinak dan tidak berbahaya kerana jika berasa terancam mereka hanya akan memberi amaran dengan cara mendengus manakala dari segi pemakanan pula tidak memerlukan kos yang tinggi kerana hanya perlu diberi makan sekali atau dua kali seminggu.

Kesemua buaya itu mula dibela ketika berusia setahun dan telah ditempatkan di sebuah kolam khas yang dibina sendiri oleh Khairul di halaman rumahnya sejak 2018. Reptilia yang diberi nama saintifik 'Paleosuchus Trigonus' itu >>



ALBINO African Giant Land Snail.



RED Junglefowl atau lebih dikenali sebagai ayam hutan.



VICTORIA Crowned Pigeon adalah salah satu spesies merpati terbesar di dunia.

dikategorikan sebagai buaya kerdil dan juga tidak agresif.

Selain buaya, bapa kepada tiga anak itu turut memelihara beberapa lagi haiwan eksotik yang dilindungi antaranya 24 ekor itik belibis, 22 ekor burung tiong emas, dua ekor burung merpati *Victoria Crowned Pigeon*, sepasang burung *Siamese Fireback*, seekor burung kakaktua jenis *Grey Parrot*, seekor kura-kura *Alligator Snapping Turtle* dan ikan

kerapu kertang.

Bagi perancangan masa hadapan haiwan-haiwan peliharaan miliknya, Khairul bercadang untuk membuka sebuah zoo mini percuma di Kuala Kangsar, Perak bagi memberi peluang kepada orang ramai yang tidak berkemampuan untuk mendekati dan mengetahui lebih lanjut mengenai pelbagai spesies haiwan unik tersebut. **WK**



GREY Parrot, ikan kerapu kertang dan burung tiong emas antara haiwan eksotik yang dilindungi.



BIAWAK air atau 'Varanus Salvator' merupakan haiwan peliharaannya yang pertama.



SIAMESE Fireback yang juga burung kebangsaan negara Thailand.



KHAIRUL (tengah) memberi makan ayam mentah kepada buaya jenis 'Smooth-fronted Caiman' sambil ditemani isteri dan anaknya.

'Bersedekahlah ketika kita susah' — Afdlin Shauki



DEEL ANJER

BERSEDEKAH ketika susah? Sudahlah dalam keadaan sukar dan kesempatan wang, bagaimana pula mahu bersedekah? Mungkin itulah yang dirasakan oleh segelintir individu. Bukan mudah untuk memberi sedangkan diri sendiri kekurangan.

Berkongsi pengalaman tentang perkara tersebut, pelakon, penyanyi dan pengarah terkenal, **Datuk Afdlin Shauki**, 52, berkata kuasa bersedekah itu amatlah luar biasa dan dia pernah melalui situasi tersebut.

Yakin dengan kelebihan bersedekah, Afdlin mengakui tidak dapat melupakan kisah yang pernah dilaluinya ketika berjuang menentang kezaliman Israel ke atas Palestin.

"Waktu itu saya tak ada duit kerana disenaraihitamkan oleh sebuah televisyen swasta disebabkan saya boikot produk Israel. Pihak produk itu nak masuk iklan dalam rancangan saya, tetapi saya tolak. Iyalah, ketika itu

isu kekejaman terhadap Palestin sedang hangat diperkatakan.

"Masa tu saya tetap dengan pendirian saya berjuang untuk agama. Jadi itu yang saya harus terima (sebagai ujian). Selebihnya saya percaya Allah akan bantu.

"Kita buat baik sahaja, Allah akan uji kita, sama ada kita ikhlas atau tidak untuk membantu Palestin. Padahal, kalau terima saja tawaran (iklan produk Israel), sudah tentu duit ada. Tak payah susah-susah.

"Dalam masa yang sama juga, waktu itu saya menunaikan umrah buat kali pertama dengan emak saya.

Bayangkan ketika di Makkah saya hanya ada RM500 sahaja. Sebelum pergi, dalam hati tertanya-tanya cukup ke RM500 untuk

perbelanjaan di sana.

"Semasa di lapangan terbang, adik-beradik bersedekah beri duit, jadi lega sikit. Sampai di Makkah, hari pertama tu duit dah banyak guna, dalam hati risau sangat takut tak cukup," ceritanya.



AFDLIN SHAUKI

Afdlin yang akan muncul dengan filem terbaharu arahnya, *Harimau Malaya* percaya, Allah sentiasa membantu hamba-Nya yang dalam kesusahan. Ketika itu, dia tidak menyangka mendapat khabar gembira dan bersyukur dikurniakan rezeki yang tidak disangka-sangka.

"Pada hari ketiga saya dapat panggilan dari Malaysia, pengurus kata akaun saya ada RM150 ribu. Duit tersebut merupakan bayaran untuk iklan yang sepatutnya dibayar lambat lagi. Saya lega sangat. Apabila

Allah menghendaki semuanya berjalan mudah.

"Emak pun boleh beli apa yang dia nak dekat sana. *Alhamdulillah*, perjalanan umrah pun lancar," ujarnya menceritakan detik-detik bahagia bersama arwah ibunya. Kejadian demi kejadian

indah yang pernah dilaluinya sentiasa mengingatkannya untuk terus memberi selagi termampu.

"Apabila kita susah, apa perkara pertama yang harus kita buat? Itu yang selalu saya tanya pada diri sendiri. Keadaan yang paling ramai orang terkesan adalah ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.

"Apa yang saya buat ketika PKP, saya ada duit lebih kurang RM10 ribu, duit itu saya buat sedekah sedangkan masa itu tidak ada job. Orang sekeliling saya ada cakap, simpanlah untuk kegunaan keluarga. Saya cakap masih ramai yang lebih susah di luar sana.

"Kita masih boleh makan, sedangkan ramai yang tak dapat nak makan. Ketika itu juga saya buat pengumuman, sesiapa yang perlukan bantuan boleh beritahu Yayasan Afdlin Shauki.

"Ramai yang mengadu tak ada makanan, ubat dah habis dan macam-macam lagi. Kami bagi sahaja apa keperluan mereka sehingga duit itu habis," kongsiyanya agar menjadi pengajaran kepada mereka di luar sana. **WK**

Mesej positif menerusi Malampagi

PENGARAH video muzik Malampagi, **Nadhir Nasar** menjelaskan dirinya mahu menyampaikan mesej positif menerusi lagu tersebut.

Ini lanjutan tular dalam media sosial yang mendakwa video arahnya itu lebih ke arah maksiat.

Nadhir berkata apa yang ingin disampaikan dalam video muzik nyanyian Saixse itu jelas dan bukan untuk mencari glamor.

"Saya seorang yang berpegang pada prinsip. Saya berada dalam industri untuk sampaikan mesej positif bukan nak kejar glamor atau meraih pengikut yang ramai di media sosial.

"Mungkin akan ada yang beranggapan video muzik itu keterlaluan tapi itulah realiti sebenar. Saya percaya masyarakat akan faham," katanya ketika ditemui pada majlis tayangan dan sidang media Super Wira yang berlangsung di Bukit Jalil, baru-baru ini.

Menurut Nadhir, sekiranya video muzik lagu itu diharamkan tayangannya, dia tidak mampu berbuat apa-apa kerana di luar bidang tugasnya.

"Setiap orang ada cita rasa masing-masing. Lagipun mesej yang saya sampaikan jelas. Di penghujung kita tetap kembali kepada Tuhan. Saya juga sudah menjangka akan timbul isu tapi sebagai pengarah saya hanya paparkan realiti. Tapi tak bermakna saya seorang pengarah provokatif," luahnya. Terdahulu, seorang pengguna media sosial mendakwa lirik dan video muzik Malampagi berunsur lucah dan memberi pengaruh tidak baik terutama kepada generasi muda. **WK**

Tidak rasa kemewahan sepanjang ayah jadi YB — Johan As'ari

PELAKON popular **Johan As'ari** akui bergelar anak kepada ahli politik bukan 'tiket' untuk hidup mewah atau bermegah-megah.

Sebaliknya kehidupan dia sekeluarga adalah sederhana dan adik-beradiknya sentiasa berusaha keras untuk berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Bagi Johan, penglibatan bapanya, Datuk As'ari Ibrahim yang terbabit dalam dunia politik lebih 35 tahun, menjadi kebanggaan keluarga.

"Saya dibesarkan di rumah pusaka nenek yang terletak di Solok Bukit Kecil Paya Dalam, Melaka di mana ketika itu ayah saya baru sahaja menggalas tanggungjawab sebagai Yang Berhormat (YB).

"Sebelum beliau menyertai politik, beliau pernah berkhidmat sebagai wartawan di sebuah akhbar tempatan selama 10 tahun. Saya tidak pernah merasai kesenangan atau kemewahan sepanjang ayah saya bergelar YB, sebaliknya saya lebih rasa bangga dan bahagia ketika melihat beliau berjasa kepada masyarakat," ujarnya.

Menurut Johan, walaupun

bapanya sibuk berkhidmat untuk rakyat, beliau pandai membahagikan masa bersama anak-anak.

"Faktor masa menjadi cabaran besar untuk saya dan adik-beradik. Ini kerana, beliau bekerja setiap hari dan masa bersamanya agak terhad. Cuma, beliau pandai membahagikan masa dan akan ambil cuti untuk keluarga.

Johan menegaskan, dia tidak bergantung sepenuhnya kepada bapanya kerana dia memiliki kemahiran dan minat tersendiri.

"Ayah adalah idola saya. Kalau nak diimbau kembali ayah pernah menjadi penyanyi sambilan di sebuah hotel sewaktu beliau bekerja sebagai wartawan.

"Mungkin darah seni itu mengalir kepada anaknya. Kakak saya adalah seorang penerbit dan penulis skrip manakala adik bongsu saya pula kini aktif di belakang tabir dalam bidang kreatif.

"Cuma adik perempuan saya saja tidak terlibat dalam seni kerana dia adalah orang kurang upaya, tetapi dia juga ada bakat seni. Jadi, saya percaya bakat yang dimiliki ini datangnya dari ayah," tambahnya lagi. **WK**



JOHAN AS'ARI



NADHIR



SAUJANA GOLF & COUNTRY CLUB

PER FLIGHT

**JUMLAH HADIAH
RM500,000**

RM1,200



BBQ Lamb KL Kemensah

Tawar konsep *dining in the river*



Foto: SYUQREE DAIN

DIANA AMIR

TIDAK dapat dinafikan lagi bandar raya Kuala Lumpur merupakan syurga makanan, namakan sahaja jenis makanan Melayu, Cina, India, Barat, Timur Tengah mahupun serata dunia semuanya boleh didapati di sini.

Malah destinasi makan juga menawarkan pelbagai pengalaman menarik dan unik kepada pengunjung antaranya makan di dalam badan kapal terbang, restoran atas pokok, dalam kontena dan sebagainya.

Tampil dengan konsep berbeza dan lebih dekat dengan alam semula jadi, BBQ Lamb KL Kemensah menawarkan *dining in the river* di mana pelanggan boleh menikmati makanan sambil merendam kaki di dalam sungai.

Ia pastinya satu konsep menarik terutamanya kepada pencinta alam semula jadi di mana mereka boleh berehat, menikmati makanan yang dihidangkan sambil merasai ketenangan alam serta deruan air sungai.

Bertempat di Kampung Kemensah, Kuala Lumpur, BBQ Lamb KL Kemensah mula menjadi tumpuan ramai setelah ia tular di media sosial pada Oktober 2017.

Menurut pemiliknya, **S Ibaryanurmi Iberahim**, 45, pada permulaannya perniagaannya itu tidak mendapat sambutan yang menggalakkan namun dia tidak mudah berputus asa dengan melakukan pembaharuan dan penambahbaikan.

"Pada awalnya, agak *struggle* kerana kawasan ini jauh ke dalam dan ramai tidak tahu tentang kewujudan kami namun selepas diberi nafas baharu, BBQ Lamb KL Kemensah ini semakin mendapat tempat di hati pengunjung," ujarnya yang lebih dikenali sebagai Mem.



ORANG ramai berpeluang menikmati makanan sambil merendam kaki.

Ber cerita lanjut, Mem berkata hobinya yang suka memasak dan menjamu tetamu memberi satu kepuasan kepadanya kerana itu dia sentiasa bersemangat untuk menjalankan perniagaan makanan.

"Saya sangat suka memasak di mana perasaan dapat menjamu orang ramai dengan makanan memberi satu kepuasan terhadap diri saya tambahan pula kalau menerima maklum balas yang positif."

"Resipi bbq semua daripada saya sendiri dan untuk sos juga *homemade* di mana salah satunya dinamakan sempena nama saya iaitu sos mem. Saya ada keturunan Thailand jadi rasa masam dan pedas itu wajib," kongsiya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi mengenai menu yang ditawarkan, Mem berkata antara yang mendapat sambutan hangat adalah *mix set*.

"*Mix set* sesuai untuk empat orang dewasa makan di mana kita tawarkan empat jenis daging iaitu ayam, *tenderloin*, kambing dan *smoked duck* beserta empat nasi, empat koktail, satu pinggan buah potong juga air lemon. Kita juga ada set *couple*, *ala carte*

dan banyak lagi," jelasnya harga bermula serendah RM170 bagi hidangan set.

Tambahnya lagi, menggunakan konsep alam semula jadi iaitu makan di dalam sungai memerlukan penyelenggaraan yang tinggi.

"Apabila kita bermain dengan alam semula jadi, 24 jam sebelum beroperasi kita akan pastikan kawasan sungai bersih daripada sampah, botol kaca dan sebagainya untuk keselamatan pelanggan."

"Sebarang penambahbaikan yang dilakukan adalah bergantung pada alam sekitar di mana kita cuba kekalkan konsep alam semula jadi selain dekorasi tambahan untuk mencantikkan restoran kita," jelasnya.

Turut mempunyai minat dan bakat dalam seni dekorasi, Mem berkata kedainya juga menawarkan pakej-pakej seperti sambutan hari jadi, *candle light dinner* dan sebagainya.

"Pelanggan hanya perlu menyatakan bajet mereka dan kita akan cadangkan beberapa menu dan dekorasi yang bersesuaian dengan harga yang diletakkan. Bagi mereka yang mempunyai

bajet lebih boleh meminta *seafood* seperti *king crab*, *oyster*, *lobster* dan sebagainya. Kita akan sediakan," ujarnya yang turut berpengalaman dalam mendekorasi pelamin.

STEAMBOAT DAN GRIL SEBELAH MALAM

MENGUNAKAN pendekatan berbeza pada sebelah malam, pengunjung turut berpeluang merasai pengalaman *steamboat* dan gril di dalam sungai.

"Ia mengikut keadaan cuaca di mana sekiranya kita pasti air tidak naik dan tenang, mereka dibenarkan untuk berada di dalam sungai tetapi jika sebaliknya kita buka meja di persisiran sungai sahaja."

"Walau bagaimanapun ia masih konsep yang menarik dan tidak pernah ditawarkan di mana-mana kedai *steamboat* lain di mana mereka boleh makan sambil menikmati deruan air sungai," ujarnya sebanyak 50 lebih menu ditawarkan di sebelah malam.

Mengulas soal harga, Mem berkata harga yang dikenakan adalah serendah RM38 bagi dewasa manakala RM25 (kanak-kanak) dan RM30 (warga emas).

"Harga tersebut termasuk kambing, ayam, *tenderloin* dan pelbagai jenis *seafood* termasuk dua pilihan kuah iaitu tomyam atau sup. Kita juga ada pelbagai jenis pencuci mulut."

"Kalau di dalam sungai kita boleh menempatkan maksimum sehingga 100 orang manakala di persisiran sungai sebanyak 120 tempat duduk," ujarnya yang menggalakkan orang ramai untuk melakukan tempahan awal bagi mengelakkan kekecewaan. **WK**

Info

012-211 4100

**19, Jalan Taman Zooview,
Kampung Kemensah, 68000
Ampang, Selangor**

**12 tengah hari
sehingga 12 pagi**

BBQ Lamb KL Kemensah



"ENJOY YOUR
DINING IN THE RIVER"

019 983 855
RESERVATION: 012 211 410

WILAYAHKU

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA!



Dapatkan juga versi e-paper WILAYAHKU di www.wilayahku.com.my

LOKASI EDARAN:




Akhbar mingguan WILAYAHKU juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my | [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku) | [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku) | [Wilayahku](https://www.youtube.com/channel/UCWlYAHKU) | [WKT TV](https://www.wktv.com.my)

PENGIKLANAN AKHBAR



PENGIKLANAN DIGITAL



IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Ara 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Siang mengemis, malam tidur di hotel

HIDUP seperti sumpah-sumpah (*chameleon*) yang boleh menukar warna kulit menurut keperluan dan kesesuaian. Mampu menonjolkan diri dalam bentuk lain, mengelak daripada dikenali dan mudah menyelamatkan diri dalam keadaan genting.

Inilah perbandingan yang Adi anggap sesuai terhadap warga Arab, dikatakan dari Syria dan Palestin yang menjalani kehidupan 'dua muka' di negara ini. Memetik laporan media, mereka menjadi pengemis di bandar raya Kuala Lumpur pada siang hari, bermula lebih kurang pukul 4 petang.

Pada malam hari, setelah selesai kegiatan mengemis sehingga pukul 2 pagi, mereka memasuki hotel untuk berehat dan tidur. Ini menampakkan kehidupan sebenar mereka yang selesa dan mewah hasil mengemis.

Pada hari tidak mengemis, mereka menampilkan diri sebagai pelancong, tinggal di hotel-hotel hebat dan makan di restoran makanan segera bersama keluarga. Mungkin juga mereka pada dasarnya ada wang tetapi sengaja minta sedekah untuk menambah pendapatan.

Kemunculan mereka di siang hari menjadi 'pengemis jalanan' mengharap simpati orang ramai di beberapa kawasan tumpuan ramai di ibu kota. Antaranya Jalan Imbi dan Jalan Bukit Bintang, yang memang dikenali sebagai kawasan tumpuan pelancong.

Selain itu kawasan lain yang menjadi 'jajahan' mereka ialah Jalan Hang Tuah, Jalan Masjid India, Pasar Seni dan Jalan Petaling. Mereka dikatakan bergerak sendiri, tidak dikongkong oleh sindiket. Apa yang diperoleh adalah untuk diri sendiri.

Mereka bergerak dari satu tempat ke tempat lain, menukar lokasi apabila sudah lama berada di lokasi tertentu. Tempat baharu dan 'mangsa' baharu perlu dicari untuk memastikan memperoleh pendapatan berterusan, serta lebih



KEGIATAN mengemis terutama di bandar besar seperti Kuala Lumpur, memberi imej kurang baik untuk negara. - Gambar hiasan

banyak laba dapat dikaut.

Langkah ini juga untuk mengaburi pihak berkuasa bagi mengelakkan daripada dikesan jika berada di sesuatu tempat terlalu lama. Benarlah mereka seperti sumpah-sumpah, menukar cara operasi dan lokasi operasi menurut kesesuaian.

Tumpuan mereka ialah restoran, kawasan yang padat dengan orang ramai, malah kelab malam juga mereka terjejah. Bagi Adi mereka ini tidak malu walau pergi ke mana jua asalkan memperoleh wang.

Terdapat pengemis yang membawa bersama anak kecil untuk meraih simpati dan mendakwa mereka berasal dari Palestin atau Syria. Rakyat Malaysia yang pemurah biasanya akan simpati dengan penampilan mereka dan tidak lokek menghulurkan wang, apatah lagi jika mendakwa dari Palestin. Orang ramai simpati nasib rakyat Palestin yang dicengkam Yahudi.

Memang sangat mengganggu jika seseorang sedang makan atau membeli-belah tiba-tiba didatangi peminta sedekah. Ada yang tidak jadi makan atau membeli. Tetapi ada juga yang menghulur wang agar tidak diganggu.

Menurut peniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman, kehadiran pengemis warga Arab di kawasan berkenaan adalah pemandangan biasa. Mereka menjadikan orang ramai yang membeli-belah di kawasan tersebut sebagai sasaran. Tentunya perbuatan tersebut menjengkelkan orang ramai yang hendak membeli-belah.

Difahamkan, warga Arab yang melibatkan diri meminta sedekah ini memasuki Malaysia sebagai pelancong. Setibanya di sini mereka pantas menjalankan aktiviti mengemis. Peraturan menetapkan rakyat asing yang memasuki negara ini sebagai pelancong tidak boleh bekerja, apatah lagi mengemis.

Namun Pak Arab ini tidak peduli peraturan ini. Akibatnya semakin ramai mengemis. Operasi Anti Pengemis yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapati secara keseluruhannya wujud pertambahan dalam kalangan pengemis asing.

Menurut statistik, 560 pengemis ditahan dari Januari hingga Ogos tahun ini. Sejumlah besar daripadanya adalah pengemis asing iaitu 380 orang berbanding pengemis tempatan 180 orang. Jumlah ini lebih tinggi berbanding tahun 2022 di mana sejumlah 98 pengemis asing ditahan berbanding 136 pengemis tempatan.

Adi bimbang arah aliran ini akan berterusan. Sejak sekian lama memang banyak laporan mengenai ramai warga asing mengemis, bukan setakat warga Arab. Operasi

yang dijalankan masih belum dapat membanteras kegiatan mereka sepenuhnya.

Ciri sumpah-sumpah menyebabkan pihak berkuasa menghadapi masalah bertindak. Adi difahamkan, mereka bukan sahaja bijak menukar lokasi operasi, tetapi juga pandai 'menghilang diri'.

Ini dilakukan dengan kembali ke negara asal setelah beroleh pendapatan lumayan. Setelah beberapa waktu tertentu, mereka muncul kembali meneruskan operasi. Atau mungkin juga dalam waktu 'bertenang' itu mereka sebenarnya mencuba nasib di negara lain pula. Namun ia mungkin tidak semewah di negara ini dan di ibu kota Kuala Lumpur.

Rakyat Malaysia pada dasarnya pemurah. Sayangnya kebaikan rakyat Malaysia ini diambil kesempatan untuk mengaut untung. Kebaikan mereka bagai dieksploitasi oleh pengemis yang sentiasa sahaja menghulur tangan mengharap sumbangan, tidak kira pengemis tempatan atau luar.

Sedar atau tidak, sikap pemurah rakyat Malaysia ini sebenarnya menggalakkan percambahan pengemis. Ini kerana apabila pengemis menyedari rakyat Malaysia memang suka menghulur bantuan, mereka akan menjadi lebih galak mengemis.

Ekoran itu juga jumlah pengemis bertambah. Bukan sahaja dari negara Arab, tetapi juga dari beberapa negara lain yang turut mencuba menumpang nasib. Mereka membawa bersama kawan atau ahli keluarga untuk mengemis sehingga ada sahaja kelibat mereka di tempat tumpuan awam.

Pada pandangan Adi, kegiatan mengemis terutama di bandar besar seperti Kuala Lumpur, memberi

imej kurang baik untuk negara. Orang luar akan beranggapan Malaysia ialah lokasi mengemis. Tanggapan negatif ini boleh menyebabkan pelancong tawar hati datang ke Malaysia.

Ini khususnya bagi pelancong luar yang pernah 'diganggu' oleh pengemis. Maklum pengemis ini kadangkala ada yang 'garang'. Apabila tidak diberi wang mereka marah-marah, malah ada yang bersikap agresif hingga menakutkan orang ramai.

Oleh itu pihak berkuasa seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Imigresen dan polis perlu memantau kegiatan pengemis ini melalui operasi bersepadu serta bertindak tegas terhadap mereka.

Ini khususnya terhadap warga asing yang masuk ke negara ini sebagai pelancong tetapi menyalah guna status berkenaan. Tahan sahaja mereka yang melanggar peraturan masuk ini dan hantar pulang ke negara asal.

Adi juga berharap tindakan sama diambil terhadap pengemis tempatan. Letakkan mereka di tempat-tempat pemulihan pengemis jika perlu dan ajar mereka berdikari. Sampai bila hendak mengharap belas ihsan dengan mengemis.

Ibu kota bukan sahaja perlu bersih dan persekitaran indah. Tetapi ia juga harus bersih daripada kegiatan mengemis yang boleh mencacatkan pemandangan, apatah lagi jika melibatkan warga asing yang 'mencari makan' di negara ini dengan cara yang salah.


Adi—Kerap dihampiri pengemis

Adi Tuah

RAGAM KOTA


F#minor

GITAR SAYA ...



mahal ni... hehihee...

KIBOD SAYA ...



pun mahal ni... hehihee...

DRUM PAD SAYA ...



lagi mahal ni... hehihee...

...MAKANAN SAYA...

...err...dalam konteks semasa, kira mahal jugak la... huhuhuhuhie



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Sajak

**ERTI SEBUAH
SESAMARATAAN**

*Di gerbang kedamaian
kulit tiada warna
warna tiada kasta*

*Ditanggal sepatu berjenama
baring bersama selipar
songkok dan kopiah bermesra*

*Ketika takbir
bahu-bahu berkucupan
pertama kali berkenalan*

*Semasa rukuk dan sujud
pangkat segera luruh
bersama dosa-dosa keruh*

*Selepas memberi salam
jari-jari berpelukan
haruman redha bertebaran
rahmat dari Tuhan*

AIRUL AFFENDI ALI



KHAIRUL IDIN

FRIM, PL jalin kerjasama urus hutan bandar, paya bakau

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Perbadanan Labuan (PL) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) di Pejabat FRIM Kepong, bagi pengurusan hutan bandar dan paya bakau di Labuan.

Dengan kerjasama tersebut, FRIM akan memberikan perkhidmatan kepakaran teknikal dalam aspek pengurusan hutan bandar agar mewujudkan Labuan sebagai pulau hijau dan lestari.

Kepakaran FRIM dalam aspek pemuliharaan kawasan hutan paya laut dapat dimanfaatkan sebaiknya sekali gus kawasan tersebut berpotensi untuk dijadikan tarikan ekopelancongan.

"FRIM akan memberikan khidmat kepakaran teknikal dalam pengurusan hutan bandar dan aborikultur termasuk penyelenggaraan pokok emeniti, landskap dan pokok teduhan pinggir jalan," jelas FRIM dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Perbadanan Labuan sedaya upaya akan menambah baik aspek pengurusan dan penyelenggaraan Taman Botanical Labuan yang merupakan antara taman botanikal tertua di negara ini.

Ia bukan sahaja menempatkan pelbagai tumbuh-tumbuhan tetapi juga menjadi taman rekreasi bandar yang boleh dikunjungi oleh pelawat.

Terdahulu, dalam sesi MOU tersebut, PL diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rithuan Mohd Ismail sementara FRIM diwakili Pengarahnya, Dr Ismail Parlan.

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PL, Fadzilah Mahmud dan Timbalan Ketua Pengarah FRIM, Dr Mohd Wan Shukri Wan Ahmad. **WK**



WAN SHUKRI (dua dari kiri) dan Rithuan (dua dari kanan) bergambar selepas sesi MoU di Pejabat FRIM, Kepong baru-baru ini.



SIMSUDIN (belakang, lima dari kiri) bersama barisan tetamu dan para pemenang Pertandingan Tarian BAF 2023 di Dewan Konvensyen Kompleks Ujana Kewangan, baru-baru ini.

BAF 2023 perkasa naratif Dasar Kebudayaan Kebangsaan

PENGANJURAN Borneo Arts Festival (BAF) mampu memperkasakan semula naratif Dasar Kebudayaan Kebangsaan sebagai satu medium bagi mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara.

Menurut Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek**, penganjuran BAF menjadi signifikan buat Labuan kerana tahun ini merupakan tahun ke-10 ia dianjurkan oleh Perbadanan Labuan.

Festival terbesar itu menyediakan pelbagai jenis pameran dan persembahan seni seperti seni visual, muzik, seni tari, adat dan pelbagai bentuk ekspresi seni yang lain khususnya di Borneo dan seantero Nusantara.

"Ia bagi meraikan dan memajukan lagi seni budaya agar terus berkembang untuk diwarisi dan dihayati oleh generasi kini. Sudah tentunya festival ini dapat membentuk semula naratif Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

"Ia menyentuh tindakan bagi memupuk dan memelihara keperibadian nasional yang tumbuh daripada Kebudayaan Kebangsaan bagi diterapkan dalam kalangan masyarakat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutupan Borneo Art Festival (BAF) 2023

di Dewan Konvensyen, Kompleks Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail dan Timbalannya, Ibrahim Tambi.

Mengulas lanjut, Simsudin berkata penganjuran BAF itu juga turut memberi impak besar kepada pembangunan sosioekonomi pulau itu.

"Festival budaya dan seni tradisional dapat dijadikan tarikan utama untuk sektor pelancongan sekali gus mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara menjadikan Labuan sebagai destinasi mereka.

"Secara komprehensifnya, ia mencipta peluang perniagaan dalam sektor pelancongan seperti hotel, restoran, syarikat pelancongan dan kedai cenderahati selain mencipta pekerjaan dan pendapatan bagi komuniti tempatan," jelasnya lagi.

Terdahulu, BAF yang berlangsung selama tiga hari itu dihiasi dengan tiga pertandingan utama iaitu Pertandingan Tarian Kreatif Borneo, Pertandingan Tingkah Geruh dan Pertandingan Fesyen Kostum Kreatif Malaysia yang menawarkan keseluruhan hadiah wang tunai dengan jumlah keseluruhan RM60,000. **WK**

Pasukan OSCA juara Lelaki Terbuka Karnival Ragbi Labuan 2023

PASUKAN OSCA dari Kota Kinabalu, Sabah berjaya merangkul juara kategori Cup Lelaki Terbuka 10 sebelah Karnival Ragbi Labuan 2023, baru-baru ini.

Pasukan itu menewaskan pasukan JLJ dari Negeri Sembilan, setelah kedua-dua pasukan terikat mata 12 sama namun di masa tambahan OSCA berjaya melakukan 'Try' dan memusnahkan harapan pasukan JLJ untuk menjadi juara.

Kedua-dua pasukan itu menerima hadiah wang tunai, piala iringan dan juga medal.

Sementara itu, pasukan Titanium RC dari Keningau dan KK Sharks dari Kota Kinabalu, masing-masing berada di tempat ketiga dan keempat kategori itu.

Bagi kategori Plate pula pasukan RMAF Blackhawk berjaya menewaskan pasukan Labuan Drillers pada perlawanan akhir sekali gus menjuarai kategori tersebut.

Manakala, kategori Wanita Terbuka dua pasukan dari Labuan berentap pada perlawanan akhir di mana pasukan WiPers muncul juara sementara pasukan Labuan muncul naib johan dan tempat ketiga dimenangi pasukan PDRM dari Kuala Lumpur.

Karnival yang berlangsung selama tiga hari disertai hampir 30 pasukan dari dalam dan luar Labuan.

Kejohanan itu dianjurkan oleh Persatuan Ragbi Labuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan yang berlangsung di padang Dataran Labuan. **WK**



PASUKAN OSCA dari Sabah merangkul juara bagi kategori Cup Lelaki Terbuka 10 sebelah pada Karnival Ragbi Labuan 2023, baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM231



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM231".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 14 OKTOBER 2023.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 233.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK231



MELINTANG

3. Haiwan vertebrata bersayap
4. Sejenis reptilia pemangsa
5. Merupakan mamalia besar
8. Mamalia maun besar Afrika
9. Tempat binatang dipelihara

KE BAWAH

1. Sejenis mamalia buas
2. Raja Rimba
6. Pak Belang
7. *Macacus cynomolgus*

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK231".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 OKTOBER 2023.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 233.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 229

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM229:

DHIYA MEDINA BINTI KHAIRUL FATA
(9 tahun)
Setia Eco Glades, Cyberjaya

ABDURRAHMAN BIN MUSLI
(10 tahun)
Wangsa Maju, Kuala Lumpur

ANNIS ZULAIKHA BINTI ZULHAIRI
(8 tahun)
Taman Suria, Kajang



RAHMAN



ZULAIKHA

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK229:

SUZIE YANA BINTI YUSOH
(35 tahun)
Presint 16, Putrajaya

ABDUL MALIK BIN SAID
(47 tahun)
Taman Ambar, Dengkil

RAMZI BIN RAPIDI
(39 tahun)
Presint 6, Putrajaya



SUZIE



MALIK



RAMZI



HASHIM dan isteri (kanan) tekun mengusahakan kebun lada bara.



Dari nelayan ke usahawan lada bara



KHAIRUL IDIN

TUAH ayam nampak di kaki, tua manusia siapa yang tahu. Itu perumpamaan yang dapat digambarkan kejayaan, **Hashim Dahlan**, 54, yang berasal dari Labuan.

Kalau dahulu dia mengabdikan diri sebagai seorang nelayan kini dia tersenyum lebar apabila mampu meraih pendapatan yang lumayan dengan mengusahakan tanaman lada bara.

Bercerita lanjut, Hashim berkata dia mula terjun ke dalam bidang penanaman lada bara pada tahun 2021 di mana ketika itu dia melihat

perusahaan tersebut berpotensi untuk pergi jauh.

Walaupun sudah sebatang dengan laut selama 20 tahun namun demi kesejahteraan keluarga dia nekad untuk mencuba perkara baharu.

Bermula dengan hanya menanam sebanyak 100 pokok lada bara di atas tanah milik keluarganya kini dia dapat menghasilkan 90 ke 100 kilogram tanaman tersebut dalam masa sebulan.

"Minat dalam pertanian bermula semasa saya mengikut program yang dianjurkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Ketika itu juga mereka menawarkan bantuan awal kepada sesiapa yang berminat.

"Tanpa berfikir panjang saya menyertainya dan dapat nampak

banyak kelebihan yang boleh diperolehi. Jika jadi nelayan, pendapatan agak terhad tetapi apabila menabur bakti pada tanah, kita nampak hasilnya depan mata.

"Dari situlah saya akhirnya mengambil keputusan untuk meninggalkan pekerjaan lama dan serius menceburi bidang pertanian. Namun tidak dinafikan, setiap pekerjaan ada cabarannya yang tersendiri.

"Pada permulaannya saya gagal disebabkan masa itu tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan. Namun selepas itu, saya banyak mengikuti kursus dan bertanya kepada mereka yang arif," ujarnya dalam masa setengah tahun dia berjaya menanam lada dengan betul.

Ujarnya ketika ditemui *Wilayahku* di Kampung Sungai Lada, baru-baru ini, dia bersyukur apabila hasil lada yang ditanam segar dan bebas daripada makhluk perosak.

"Tanaman lada bara mampu memberi pulangan dalam tempoh yang singkat iaitu hanya sekitar 45 hari dan mempunyai jangka hayat yang agak lama iaitu setahun.

"Selain itu, permintaan lada bara di Labuan amat tinggi dan harganya boleh mencecah RM35 hingga RM40 sekilo.

"Alhamdulillah setakat ini saya telah memasarkannya ke beberapa buah pasar raya dan kedai runcit di sekitar Labuan. Selain memasarkan lada, saya dan isteri juga membuat beberapa produk seperti lada kisar dan beberapa jenis sambal yang

Kampung Sungai Lada, Wilayah Persekutuan Labuan

012 - 898 1061

mempunyai permintaan yang tinggi.

"Hasil pendapatan juga memberangsangkan berbanding sebelum ini dan mencecah ribuan ringgit sebulan," ujarnya lega dapat memberi kehidupan yang lebih selesa kepada keluarga.



ANTARA produk yang dihasilkan.

Buka rumah cendawan

MENGULAS lanjut perancangan dalam bidang pertanian, Hashim mengakui ingin mempelbagaikan jenis tanamannya dan tidak hanya bergantung kepada hasil tanaman lada bara sahaja.

Dengan hasil pendapatan yang diperolehi daripada hasil lada, dia dan isteri mengambil keputusan untuk membina sebuah rumah cendawan berskala kecil.

"Idea untuk membuka rumah cendawan ini idea isteri saya yang melihat permintaan cendawan amat tinggi. Jadi, kerana itu kami

tidak mahu melepaskan peluang untuk mencuba.

"Rumah cendawan telah siap awal bulan lalu, namun kami masih memerlukan peralatan dan bokah untuk menanam cendawan. *Insha-Allah* saya akan mulakan penanaman cendawan dalam waktu terdekat jika semua peralatan, benih dan sebagainya mencukupi," ujarnya berterima kasih kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang sering menghulurkan bantuan pertanian. **WK**



Caj parkir Presint 15 mulai Oktober 2023



SABRINA SABRE

BERMULA Oktober ini, orang ramai perlu membayar caj parkir jika meletakkan kereta di Presint 15, Putrajaya sama ada di bahu jalan mahupun di kawasan Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB) yang disediakan susulan Penguatkuasaan Tempat Letak Kereta (TLK) yang dilakukan oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj).

Menurut Pengarah Bahagian Trafik dan Pengangkutan Awam PPj, **Mohd Suzilan Sahak**, antara tujuan utama menguatkuasakan semula pengoperasian TLK adalah untuk menggalakkan orang awam membayar caj TLK.

"Selain itu, ia juga membantu aktiviti komersial di kawasan Nadi@15, Presint Diplomatik Presint 15 yang menjadi tumpuan orang awam serta sekali gus dapat mengurangkan masalah *double park* dan kesesakan lalu lintas," katanya kepada *Wilayahku* semasa sesi temu bual penguatkuasaan TLK di Presint 15, Putrajaya pada Selasa.

Mohd Suzilan berkata di Presint 15 terdapat dua lokasi berbeza buat



PENGUAT kuasa PPj mengeluarkan notis amaran kepada orang awam yang tidak membayar caj parkir di Presint 15.

orang awam meletakkan kenderaan iaitu TLK Bahu Jalan ('On Street') dan TLKB yang terletak di tengah-tengah kawasan komersial Presint 15.

"Kadar pembayaran TLK boleh dilakukan secara pembayaran tanpa tunai (*cashless*) dengan menggunakan aplikasi mudah alih *Flexi Parking*."

"Kadar caj untuk TLK adalah RM0.50 per jam. Waktu operasi akan bermula pada pukul 8 pagi hingga 6 petang setiap hari (Isnin hingga Jumaat) kecuali Sabtu, Ahad dan cuti am."

"Pengguna boleh menggunakan telefon mudah alih dan memuat

turun aplikasi *Flexi Parking* di *Google Play Store* bagi pengguna *Android* atau *Apple Store* bagi pengguna

iPhone," ujarnya sebanyak 515 petak kenderaan disediakan bagi TLK Bahu Jalan.

Dalam masa sama, Mohd Suzilan memberitahu untuk Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB) caj yang dikenakan kepada pengguna adalah RM1 sekali masuk (*per entry*).

"Pengguna boleh memuat naik aplikasi *JomParking* atau menggunakan kad sentuh *Touch 'n Go* untuk pembayaran."

Kadar caj ini adalah kadar promosi terhad yang dikenakan kepada pengguna bermula dari 1 Oktober sehingga 31 Disember 2023 (tiga bulan sahaja) bagi menggalak pengguna menggunakan TLKB.

"Untuk waktu operasi TLKB ini adalah 24 jam setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad," tambahnya TLKB mempunyai dua blok bangunan



BOOTH Flexi Parking turut dibuka di hadapan Mydin Presint 15, Putrajaya bagi memberi pendedahan kepada orang awam mengenai aplikasi tersebut.

iaitu Blok A dan Blok B dengan keseluruhan petak parkir sebanyak 790 petak.

Selain itu, beliau memaklumkan kemudahan pas bulanan bagi TLKB Presint 15 adalah layak dimohon oleh individu yang bekerja sekitar bangunan pejabat di lot-lot komersial atau pemilik premis berkelayakan.

"Kadar pas bulanan sebanyak RM150 sebulan/petak bagi penyewa premis Nadi@15 manakala RM180 sebulan/petak kepada orang awam."

"TLK Petak Khas hanya diberikan kepada pemilik dan penyewa yang mempunyai premis serta kedai perniagaan di Presint 15 dengan dikenakan kadar caj penggunaan sebanyak RM300 sebulan/petak tertakluk kepada syarat-syarat permohonan."

"Saya berharap arahan dan

peraturan yang berkuat kuasa bagi kepentingan bersama untuk menggunakan TLK yang disediakan ini dapat dipatuhi oleh semua untuk mengelakkan daripada disaman atau dikompaun," jelasnya pembukaan reruai oleh *Flexi Parking* di hadapan Mydin Presint 15 selama seminggu turut dilaksanakan bagi memberi tunjuk ajar kepada pengguna untuk menggunakan aplikasi *Flexi Parking*.

Buat mereka yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi talian aduan aplikasi pembayaran di **013-240 1233** (*JomParking*), **1 700 819 612** (*Flexi Parking*) **012-507 8375 / 012-501 7806** (Operasi Tempat Letak Kereta) dan **03-8887 3000** (Aduan Awam PPj). **WK**



MOHD SUZILAN

HRP2023 dijangka meriah, sarat aktiviti menarik

HARI Rekreasi Putrajaya 2023 (HRP2023) kembali membuka tirainya dengan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik menanti pengunjung yang hadir pada 14 Oktober ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, inisiatif program tersebut dilaksanakan adalah bagi menjenamakan Putrajaya sebagai bandar rekreasi selain menggalakkan gaya hidup aktif, meningkatkan kesihatan, mempromosikan keindahan serta kepelbagaian rekreasi di pusat pentadbiran negara itu.

"Acara tahunan kegemaran ramai ini akan bermula pada pukul 7 pagi hingga 7 petang dan kita juga masih mengekalkan lokasi yang sama iaitu di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya."

"Pemilihan tempat di Anjung Floria adalah bertepatan dengan pengisian utama HRP2023 iaitu acara perkelahan kerana ia terkenal sebagai *spot* terbaik untuk menikmati matahari terbenam di Putrajaya."

"Di samping itu, Anjung Floria juga merupakan salah satu destinasi yang sesuai untuk melakukan aktiviti beriadah bersama ahli keluarga dan rakan-rakan," katanya menerusi satu kenyataan media.

Selain itu, beliau memaklumkan HRP2023 turut mensasarkan pengiktirafan bagi rekod *The Longest Picnic Line* (Barisan Perkelahan

Terpanjang di Malaysia) oleh *The Malaysia Book of Records* (MBOR).

"Anggaran minima sasaran peserta perkelahan adalah seramai 1,000 orang bagi 250 lot perkelahan dengan ukuran sekurang-kurangnya 500 meter panjang."

"Selain menjadi sebahagian daripada rekod pengiktirafan MBOR, peserta perkelahan akan turut terlibat dalam pertandingan lot piknik tercantik yang dipertandingkan dalam enam kategori iaitu terbuka, komuniti Putrajaya, pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar universiti, pengatur acara (*event planner*) serta mempengaruhi (*influencer*)," ujarnya.

Tambah Fadlun, para pengunjung juga boleh menyertai aktiviti sampingan menarik iaitu memanah, *petting zoo*, *mini flying fox*, aktiviti seni dan kraf tangan, *tree climbing*, *remote control show*, pameran *campsite* daripada jenama-jenama barangan *outdoor* terkenal, bazar jualan daripada Pasar Seloka, *Car Boot Sale* Kota Damansara dan PUSPANITA Putrajaya.

"Untuk aktiviti rekreasi air pula, mereka boleh menyertai pertandingan *open water swimming*, kayak rekreasi, klinik *stand-up paddle* (SUP), *water taxi*, SUP *sunset* dan *slack line*," ujarnya.

Lebih menarik, Fadlun berkata HRP2023 turut dimeriahkan dengan lebih daripada 17 jenis aktiviti sukan

kenangan antaranya pertandingan tiang licin, tangkap itik, tarik tali dalam air, gusti bantal dalam air dan istana pasir.

"Bagi penggemar makanan pula, HRP2023 bakal menyajikan pelbagai makanan dan juadah menarik buat para pengunjung seperti *Lepak Corner*, *food truck* dan jualan penjaja kecil," ujarnya yang berharap program tersebut dapat menggalakkan pengusaha kecil dan usahawan muda tempatan bagi mengetengahkan produk mereka secara meluas dan lebih dekat dengan orang awam.

Dalam masa sama, Fadlun berharap penganjuran HRP2023 secara tidak langsung dapat memperkenalkan Putrajaya sebagai bandar mesra rekreasi yang dilengkapi infrastruktur sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa.

"Pihak kami juga berharap Sambutan HRP2023 dapat menjadi acara tahunan yang akan disambut di peringkat kebangsaan selain menjadikan Putrajaya sebagai penanda aras terutamanya terhadap penekanan kepada keindahan landskap bandar, pelbagai aktiviti rekreasi yang ditawarkan dan sokongan kepada gaya hidup sihat serta aktif," ujar beliau. **WK**

Hari Rekreasi PUTRAJAYA

14.10 2023 7.00 am-7.00 pm

ANJUNG FLORIA PRESINT 4, PUTRAJAYA

Akara perkelahan | Permainan Cergas | Open Water Swimming | Wala/Tarik | Lepak Corner | Car Boot Sale Kota Damansara | Pasar Seloka | Bazar PUSPANITA Putrajaya | Food Trucks | Kayak Rekreasi | Klinik Stand-Up Paddle (SUP) | Lepak Busar | Slack Line | Dapur Baituan | Persembahan Sling Hutan | Remote Control (RC) | Tree Climbing | Memanah | Mini Flying Fox | Petting Zoo | Kraf tangan | Sopa Deepo | Sukan Abak | Sukan Kenangan | Tiang Licin | Tangkap Itik | Tarik Tali Dalam Air | Gusti Bantal Dalam Air | Sand Castle

SILA IMBAS UNTUK PENDAFTARAN:

SERTAI KAMI BAGI MENCIPTA REKOD The Longest Picnic Line

www.ppj.gov.my | perbadananputrajaya | putrajayacorp

Perlu semangat juang tinggi

Safwan Arif fokus sukan menembak

SABRINA SABRE

TEKANAN yang tidak diuruskan dengan baik mampu menjejaskan faktor kesihatan dan kerana itu kita disarankan menjadikan aktiviti sukan sebagai rutin bagi menghilangkan masalah tersebut.

Mengakui kebenaran tersebut, penembak muda, **Safwan Arif Abdul Aziz** berkata menembak mempunyai keistimewaan tersendiri yang dapat menghilangkan tekanan apabila individu tersebut fokus ke arah sasaran.

“Percayalah, ketika itu kita akan terlupe tentang masalah yang dihadapi untuk seketika. Ia merupakan satu teknik melepaskan geram seiring dengan bidikan tersebut.

“Menjadikan aktiviti menembak sebagai rutin bukanlah perkara yang sia-sia memandangkan ia memiliki keistimewaan tersendiri seperti mendidik diri untuk berdisiplin, fokus serta memupuk minat terhadap aktiviti mencabar,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Menyingkap permulaannya dalam sukan tersebut, atlet



AKSI Safwan Arif ketika Kejohanan Menembak Selangor di Subang.

berusia 19 tahun itu berkata minat terhadap sukan menembak tercetus sejak di bangku sekolah lagi selain berbekalkan minat yang mendalam.

“Minat menjadikan saya lebih bersemangat untuk menyumbangkan pingat emas dalam setiap acara ditambah pula dengan dorongan keluarga yang memberi galakan dan sokongan tidak berbelah bahagi,” ujar anak kedua

daripada empat orang adik-beradik ini.

Mula menembak seawal usia 14 tahun, atlet Wilayah Persekutuan ini memiliki cara yang tersendiri untuk kekal fokus.

“Setiap orang mempunyai cara tersendiri, bagi saya antara kunci utama adalah tidur yang cukup antara tujuh hingga lapan jam, pemakanan seimbang serta

membuat latihan fizikal untuk mengekalkan kecerdasan minda,” ujar pelajar jurusan Kejuruteraan Elektrik di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang ini.

Di samping itu, atlet kelahiran Kuala Lumpur ini berkata sebagai seorang atlet, segala cabaran, kecederaan serta kesukaran dialami harus diketepikan sebaik kaki menapak memasuki lapang sasar

Pencapaian Safwan Arif

2023 – Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) – Tempat ketiga (Berkumpulan)

2021 – Kem Bakat Negeri Sembilan – Tempat ketiga

menembak dan wajib digantikan dengan semangat juang yang tinggi.

“Cabaran paling utama adalah kerana sukan ini memerlukan atlet berlawan dengan diri sendiri secara individu untuk mengutip mata yang diperlukan. Selain itu, kita harus rajin berusaha memperbaiki prestasi persembahan di gelanggang pertandingan,” tambahnya latihan berterusan sangat penting untuk meningkatkan teknik dan ilmu menembak.

Dalam masa sama, Safwan Arif berkata dirinya kini giat menjalani latihan empat kali seminggu bersama jurulatih pasukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam persediaan melayakkan diri ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 yang akan diadakan di Sarawak. **WK**

105 jurulatih WiPers galas amanah, buru pingat di SUKMA 2024

SERAMAI 105 orang jurulatih dari Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dilantik untuk membimbing skuad Wilayah Persekutuan (WiPers) dalam menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos 2024.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Ekonomi) Jabatan Wilayah Persekutuan, **Datuk Parang Abai@Thomas**, pemilihan tersebut dibuat menerusi penilaian dan tapisan secara terperinci daripada Panel Kejurulatihan dan Sains Sukan MSWP yang dipengerusikan oleh Datuk Mohd Nasir Ali yang juga merupakan Ahli Majlis MSWP.

“Seramai 66 orang jurulatih daripada Program WiJuara serta 39 jurulatih Program Bakat Wilayah Persekutuan telah dipilih bagi menerajui sukan masing-masing menuju SUKMA ke-21 di Sarawak.

“Selain daripada jurulatih yang sudah lama berkhidmat, saya juga mengucapkan selamat datang kepada semua jurulatih yang baharu dilantik ke keluarga besar WiPers. Saya memberikan kepercayaan penuh kepada kalian untuk memastikan pencapaian cemerlang atlet masing-masing,” katanya ketika Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Jurulatih MSWP 2023 yang diadakan di Auditorium Menara Seri Wilayah pada Rabu.



PARANG ABAI (tengah) dan Nik Ahmad Zahiruddin (tiga kiri) bersama barisan jurulatih gimrama yang dilantik bagi membantu misi memburu pingat di SUKMA 2024.

Dalam masa sama, Parang Abai memaklumkan beberapa program telah diadakan termasuklah ceramah kesihatan dan psikologi yang diharap dapat memberikan serba sedikit pengetahuan baharu serta boleh diguna pakai oleh jurulatih bersama atlet masing-masing.

“Oleh kerana tempoh masa yang diberikan agak singkat, saya menuntut komitmen dan kerjasama penuh semua jurulatih sukan untuk memastikan setiap atlet yang bertanding di SUKMA akan melakukan yang terbaik dalam memastikan pencapaian hebat

kontinjen Wilayah Persekutuan pada kali ini,” ujarnya.

Di samping itu, Pengarah MSWP, **Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh** berkata tugas sebagai seorang jurulatih adalah berat namun kejayaan turun naik seseorang atlet itu banyak dipengaruhi oleh kekuatan jurulatih dalam mencorakkan atlet masing-masing.

“Selain tugas utama merancang program latihan hingga mencapai ke tahap prestasi terunggul, jurulatih juga perlu memantau perkembangan prestasi atlet, mengenal pasti kelemahan dan kekuatan yang ada

serta memberi sokongan moral kepada atlet selain ditambah dengan kerja-kerja pentadbiran yang perlu dilakukan.

“Seorang jurulatih juga memegang pelbagai peranan termasuklah sebagai pengajar, penilai, rakan, mentor, fasilitator, penasihat, penyokong, pencari fakta, motivator, kaunselor, pemandu, perancang dan sumber segala ilmu selain sering kali menjadi ‘unsung hero’ kepada setiap kejayaan yang dirangkul atlet masing-masing,” ujarnya pihak MSWP amat menghargai segala

jasa bakti dicurahkan jurulatih bagi memastikan Program Pembangunan Sukan berprestasi tinggi secara menyeluruh dan sistematik dapat dijalankan bagi kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan.

Tambahnya lagi, diharapkan semua atlet dalam apa sahaja acara sukan tidak berasa terlalu selesa dan selamat dengan kedudukan masing-masing kerana pihak MSWP bakal menggugurkan sukan yang tidak memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ditetapkan menjelang SUKMA di Sarawak.

“Selari dengan keputusan Ahli Majlis MSWP yang mahukan hanya sukan yang berada di landasan terbaik dihantar ke Sarawak, saya mahu mengingatkan jurulatih untuk memberikan yang terbaik dalam memastikan atlet Wilayah Persekutuan mencipta kejayaan lebih baik berbanding sebelumnya,” ujar beliau berharap semua jurulatih yang dilantik untuk bersama-sama berganding bahu bagi memastikan semua perancangan berjalan lancar dan mencipta kejayaan lebih cemerlang pada SUKMA akan datang.

Sebagai rekod, kontinjen WiPers menduduki tempat ketiga keseluruhan pada edisi ke-20 SUKMA yang diadakan pada tahun lepas dengan pencapaian 55 pingat emas, 69 perak dan 65 gangsa. **WK**



Sasar penyertaan 50,000 peserta

Pasport 50 WP: Terokai Wilayah Persekutuan

AZLAN ZAMBRU

SEMPENA ulang tahun penubuhan Wilayah Persekutuan ke-50 tahun, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) mengajak orang ramai untuk meneroka Wilayah Persekutuan menerusi Program Pasport 50 WP.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), **Datuk Parang Abai @ Thomas** berkata Program Pasport 50 WP ini adalah *Roadmap Challenge* yang mengajak orang ramai untuk meneroka 50 lokasi (*checkpoints*) bersejarah di seluruh Wilayah Persekutuan.

“Ia melibatkan kawasan tersembunyi (*unsung places*) dan memukau (*hidden gems*) di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dengan lebih *adventurous* dari bulan Oktober 2023 sehingga Februari 2024.

“Program ini adalah salah satu daripada pengisian utama dalam Sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan tahun 2024 yang menyasarkan penyertaan sehingga 50,000 peserta dari seluruh negara,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menjelang lanjut, Parang Abai berkata tujuan utama Program Pasport 50 WP ini adalah untuk meraikan kegemilangan 50 tahun Wilayah Persekutuan sambil menjelajah dan menikmati keindahan dan keunikan serta kepelbagaian di Wilayah Persekutuan yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat.

“Menerusi program ini, ia juga menggalakkan rakyat Malaysia untuk mengenali lebih mendalam sejarah dan warisan Wilayah Persekutuan secara tidak langsung mempromosikan pelancongan domestik dan memangkin ekonomi di Wilayah Persekutuan,” katanya.

Menurut Parang Abai, bagi menyertai program ini, peserta perlu mendapatkan Pasport 50 WP di lokasi-lokasi *checkpoint* di sekitar Wilayah Persekutuan.

“Pasport 50 WP sama bentuk seperti pasport biasa dan boleh didapati secara percuma di lokasi-lokasi *checkpoint* dan *pick-up-corner* Pasport 50 WP termasuk di bangunan JWP dan Agensi yang telah ditetapkan oleh pihak urus setia.

“Seterusnya peserta perlu mendaftarkan maklumat diri mereka dalam *Google Form* yang disediakan

sebelum memulakan pengembaraan mereka,” katanya sambil menambah program ini terbuka kepada peserta berumur 18 tahun manakala peserta berumur 7 hingga 12 tahun, perlu mendapat persetujuan dan pengawasan ibu bapa atau penjaga sepanjang masa.

Ujarnya peserta perlu mengunjungi 50 lokasi atau *checkpoint* yang terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, dan mengumpul cop di setiap lokasi tersebut.

“Selanjutnya, peserta perlu memuat naik swafoto (*selfie*) di *stamp point* dengan mengimbas kod QR di pasport dan lengkapkan *Google Form* mengikut lokasi *checkpoint*,” ujarnya.

Tambahnya, selaku penganjur pihaknya mengharapkan agar peserta yang terlibat dan orang ramai dapat meningkatkan kesedaran mengenai sejarah dan warisan Wilayah Persekutuan menerusi penerokaan tempat-tempat bersejarah serta mempromosikan pelancongan domestik di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Sebarang maklumat lanjut, hubungi talian 010-264 8230/010-264 8258/010-264 8209. **WK**



SEORANG peserta bergambar di hadapan Perpustakaan Kuala Lumpur yang juga merupakan salah satu *checkpoint*.

Ibnor Riza jual tiga buah kereta untuk kos rawatan, Pak Nil tampil bantu

DEEL ANJER

PENYANYI era 1980-an, Ibnor Riza yang menderita kanser limfoma tahap empatmendapat perhatian pengacara popular, **Datuk Aznil Nawawi**.

Aznil atau juga dikenali sebagai Pak Nil tergerak hati untuk membantu apabila melihat video luahan Ibnor yang terpaksa menjual tiga buah kereta miliknya bagi membiayai kos

rawatan kanser yang dihidapi.

Ibnor Riza membuat tindakan tersebut bertujuan untuk menampung kos rawatan dan menyara kehidupan selepas terputus punca pendapatan sejak November lalu.

Menurut Pak Nil, selain berdoa rakyat perlu sama-sama membantu Ibnor dalam meneruskan kehidupan. “Kali ini Pak Nil buka akaun Pak Nil untuk anda sampaikan derma infak anda kepada abang Ibnor Riza. Dia sendiri tak minta untuk derma ini dilakukan. Pak Nil tahu sebagai seorang anak seni, dia rasa masih lagi boleh cari duit dalam keadaan sekarang.

“Pak Nil terfikir ini mungkin akan melambatkan proses untuk mendapatkan duit atau ia akan mengganggu lebih teruk lagi kesihatan dia,” katanya.

Aznil berkata biarpun tidak meminta dibantu, sebagai penggiat seni dia tetap mengambil inisiatif

membantu Ibnor Riza.

Mereka yang sudi boleh menghulurkan sumbangan menerusi akaun Maybank **564735809375** (Aznil Nawawi).

Terdahulu Aznil, pernah membantu mengumpul dana untuk membantu membiayai kos pembedahan tulang belakang penyanyi Zamani Slam yang menderita penyakit tulang belakang atau skoliosis tahun lalu.

Usaha ini berjaya mengumpul wang berjumlah lebih RM100,000 dan penyanyi popular terbabit selamat menjalani pembedahan di sebuah pusat perubatan di Kuala Lumpur pada 7 November tahun lalu.

Pak Nil juga akui kagum dengan semangat Ibnor yang masih terus menyanyi demi meneruskan kelangsungan hidup.

“Dia cakap dia masih lagi nak menyanyi untuk tampung hidup, kos kesihatan dan juga kos sara



IBNOR RIZA

hidup. Pak Nil tak tahulah dalam keadaan kesihatannya sebegitu, berapa banyak ‘show’ dia mampu buat.

“Dan berapa banyak duit yang boleh dia kumpul untuk kelangsungan hidup dan kos perubatan dia kena buat kemoterapi dan pada waktu yang sama, kos perubatannya sangatlah mahal.

“Pak Nil terpanggil sekali lagi untuk membantu penyanyi Ibnor Riza yang kita membesar dengan lagu-lagunya,” tambahnya lagi. **WK**